



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEK KOMUNITI



# TAFSIR AYAT PILIHAN

تفسیر ایات قیلیهٰ

TECHNO HUFFAZ PSA

Nor Azmin binti Mohamed Salleh  
Azlina binti Muhammed  
Nihayatul Husna binti Hisham

MODUL  
Interaktif

# TAFSIR AYAT PILIHAN

تفسیر ایات قیلیه‌ن

TECHNO HUFFAZ PSA

Penulis :

Nor Azmin binti Mohamed Salleh  
Azelina binti Muhammad  
Nihayatul Husna binti Hisham

**TAFSIR  
AYAT  
PILIHAN**

تفسیر ایات قلیه‌هن

TECHNO HUFFAZ PSA

Tiada bahagian daripada terbitan buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebaran alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah terlebih dahulu.

Modul Fiqh Ibadah

Ketua Penulis : Nor Azmin binti Mohamed Salleh  
Penulis : Azlina binti Muhammad  
Penulis : Nihayatul Husna binti Hisham  
Editor dan pereka letak : Ainoor Mahfuzah binti Ahmad

No eISBN : 978-967-0032-20-7

Terbitan pertama 2022

Diterbitkan oleh:

UNIT PENERBITAN

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Persiaran Usahawan


Seksyen U1

40150 Shah Alam

Selangor

Telephone No. : +603 5163 4000

Fax No. : +603 5569 1903



# TAFSIR AYAT PILIHAN

تفسیر آیات قیلیمن

TECHNO HUFFAZ PSA

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, kepada keluarga baginda, para sahabat dan tabi'in seluruhnya serta para pengikut yang mencontohnya sehingga ke hari akhirat.

Penulisan Modul Tafsir Ayat-ayat Pilihan ini merupakan sebahagian daripada usaha yang dilakukan oleh pihak Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah khususnya Jabatan Pengajian Am dan ianya diterbitkan bertujuan untuk berkongsi ilmu serta dapat membantu pelajar Techno-Huffaz memahami dengan lebih mendalam hubungan di antara al-Quran dan sains serta peranan al-Quran dalam bidang sains.

Sains dan teknologi dalam Islam adalah ilmu yang tidak boleh dipisahkan daripada agama. Al-Quran dan al-Sunnah bukan sahaja sebagai sumber akidah, Syariah dan akhlak, malah kedua-duanya turut membicarakan persoalan alam tabii dan manusia iaitu objek yang menjadi tumpuan dalam kajian sains dan teknologi. Sains wujud daripada perasaan ingin tahu manusia terhadap alam sekelilingnya yang dapat digunakan untuk meningkatkan keimanan. Islam menetapkan perkara yang melibatkan kajian sains hendaklah berpandukan syariat. Islam dan sains menjadikan manusia lebih dekat dengan Allah SWT. Sains dan Islam juga mendidik hati dan nurani manusia tentang kebesaran dan keagungan Allah SWT melalui kecanggihan ciptaan manusia.

Modul Tafsir Ayat-ayat Pilihan ini mengandungi sepuluh tajuk dapat dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu penemuan teknologi dalam al-Quran dan isu-isu permasalahan fiqh serta hubungannya dengan sains. Perbincangan bagi setiap penemuan dan isu permasalahan tersebut adalah mencakupi pentafsiran ayat secara mendalam dengan mengambil kira pandangan Islam dan juga sains. Pengajaran bagi setiap ayat juga telah dibincangkan secara terperinci supaya pembaca lebih memahami kandungan ayat tersebut.

Adalah diharapkan semoga sumbangan yang kecil ini dapat memberi manfaat kepada semua pembaca khususnya pelajar Techno-Huffaz. Semoga segala kebaikan akan melimpah dengan rahmat dan belas daripada tuhan semesta Alam. Selamat membaca.



# TAFSIR AYAT PILIHAN

تفسیر ایات قلیلہ من  
TECHNO HUFFAZ PSA

## PENULIS

### Ketua Penulis

**Nor Azmin binti Mohamed Salleh** merupakan graduan dari Universiti Putra Malaysia dalam bidang Bahasa Asing (Bahasa Arab) dan mempunyai ikhtisas Pendidikan dalam bidang Pengajian Islam.

Berpengalaman mengajar di politeknik selama 16 tahun dan kini merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Beliau telah diamanahkan untuk mengajar kursus Sains,Teknologi dan Kejuruteraan sejak ia diperkenalkan di politeknik.



### Penulis

**Azlina binti Muhammad** berkelulusan Sarjana Muda Usuluddin dan Sarjana Usuluddin daripada Universiti Malaya.

Beliau berkhidmat dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi selama 22 tahun.

Beliau kini bertugas sebagai Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.



### Penulis

**Nihayatul Husna binti Hisham** berkelulusan Diploma Tahfiz al-Quran dan Al-Qiraat (Muamat) di Darul Quran JAKIM dan Sarjana Muda Fiqh dan Usul (Shariah) di Universiti Mu'tah, Jordan.

Beliau kini berkhidmat sebagai Pensyarah Tahfiz Mystep Program Techno Huffaz di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.



**BAB 1 AL-QURAN DAN SAINS****BAB 2 TEORI KEJADIAN ALAM SEMESTA**

Tafsir ayat 30-34 Surah Al-Anbiya'

**11****BAB 3 PEMBINAAN TEMBOK ISKANDAR  
ZULQARNAIN**

Tafsir ayat 94-98 Surah Al-Kahfi

**17****BAB 4 PEMBINAAN KAPAL NABI NUH a.s**

Tafsir ayat 37-42 Surah Hud

**26****BAB 5 KEJURUTERAAN KIMIA**

Tafsir ayat 1-8 Surah Al-Zalzalah

**34****BAB 6 KEUTUHAN DAN KEKUATAN BESI**

Tafsir ayat 25 Surah Al-Hadid

**42****BAB 7 CAP JARI TANGAN MANUSIA  
SEBAGAI IDENTITI DIRI**

Tafsir ayat 3-4 Surah Al-Qiyamah

**48**

**BAB 8 KULIT SEBAGAI ORGAN DERIA**

**Tafsir ayat 56 Surah An-Nisa'**

**54**

**BAB 9 HAID DAN PERMASALAHANNYA**

**Tafsir ayat 222 Surah Al-Baqarah**

**60**

**BAB 10 IBADAH PUASA, KELEBIHAN DAN  
PERMASALAHAN**

**Tafsir ayat 183-184 Surah Hud**

**78**

**RUJUKAN**

**90**

Hasil  
Pembelajaran

1. Pelajar dapat menjelaskan hubungan di antara al-Quran dan sains.
2. Pelajar dapat menguraikan peranan al-Quran dalam bidang sains.

PENULIS :  
Nor Azmin binti Mohamed Salleh



## PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan kitab suci yang menjadi pegangan dan petunjuk yang boleh memberikan manusia satu keputusan dalam soal pencarian ilmu lebih-lebih lagi ilmu sains. Al-Quran membawa bukti nyata bahawa ilmu sains telah bermula sekian lamanya iaitu ketika al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad ﷺ pada 1400 tahun dahulu untuk dijadikan ikutan dan petunjuk terhadap setiap kesulitan seperti mana yang Allah ﷺ rakamkan firman-Nya dalam surah al-Nahl ayat 89:

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَى لِلْمُسْلِمِينَ ﴿٨٩﴾

**Maksudnya:** “Dan Kami turunkan kepadamu kitab (al-Quran) untuk menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi petunjuk, rahmat dan khabar gembira bagi orang yang berserah diri.(89)

Menurut al-Syahid Hasan al-Banna , al-Quran al-Karim adalah sebuah perlembagaan yang lengkap merangkumi seluruh hukum Islam. Ia adalah sumber yang mencurahkan segala kebaikan dan ilmu ke dalam hati yang beriman. Dalam sebuah hadis daripada Abdullah bin Mas'ud r.a, Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ مَأْدُبَةُ اللَّهِ فَتَعَلَّمُوا مَأْدُبَةَ اللَّهِ مَا سَطَعْتُمْ إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ حَبْلُ اللَّهِ الْمَتِينِ وَنُورٌ مُبِينٌ وَشَفَاءٌ نَافِعٌ وَعِصْمَةٌ لِمَنْ تَسَلَّكَ بِهِ وَمَنْجَاهٌ لِمَنِ اتَّبَعَهُ لَا يَعْوِجُ فَيُقَوِّمُ وَلَا يَرْبِعُ فَيَسْتَعْتِبُ وَلَا تَنْقَضِي عَجَابِيْهُ وَلَمْ يَخْلُقْ عَنْ كَثْرَةِ التِّرْدَادِ أُتْلُوهُ فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَأْجُرُكُمْ عَلَى تِلَاوَتِهِ بِكُلِّ حِرْفٍ عَشْرُ حَسَنَاتٍ أَمَّا إِنِّي لَا أَقُولُ آمَّا عَشَرَةُ وَلَكِنَّ الْأَلْفَ عَشَرَةً وَاللَّامَ عَشَرَةً وَالْمِيمَ عَشَرَةً



01

## AL-QURAN DAN SAINS

### PENDAHULUAN

**Maksudnya:** Al-Quran ini adalah hidangan Allah. Oleh itu hadaplah hidangan Allah ini sepas hati kamu. Al-Quran ini adalah tali Allah (cahaya yang menjadi petunjuk), cahaya yang terang dan ubat yang mujarab, pengawal bagi orang yang berpegang dengannya, penyelamat bagi orang yang mengikutnya, sesiapa yang tersesat akan dipandunya, sesiapa yang menyimpang akan dibetulkan, keajaibannya tiada henti, keagungan dan kemanisan bacaannya tidak akan terjejas walau sekerap mana sekalipun diulang. Bacalah kerana Allah, kerana ia akan memberikan kamu ganjaran jika kamu membacanya setiap satu huruf sepuluh ganjaran. Saya tidak katakan Alam Laam Miim sebagai satu huruf tetapi alif (1 huruf) dan Laam (1 huruf) dan Miim (1 huruf).

**(Hadis Riwayat Hakim)**



## DEFINISI AL-QURAN DAN SAINS

### AL-QURAN

Al-Quran dari sudut bahasa seperti mana yang dinyatakan oleh Dr. Subhi al-Shalih dalam bukunya *Mabahits fi ‘Ulum al-Quran* perkataan al-Quran adalah dalam bentuk masdar (inifniti) dan seerti dengan perkataan *qira’ah* (قراءة) yang bererti bacaan atau himpunan. Allah berfirman:

إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَفِرَانَهُ ﴿١٧﴾ فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ﴿١٨﴾

**Maksudnya:** Sesungguhnya Kami yang berkuasa mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu), dan membacakannya **(17)**. Apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka ikutilah bacaanya. **(18)**.

(Surah al-Qiyaamah: 17-18)

### AL-QURAN DARI SUDUT ISTILAH :

Kitab yang diturunkan Allah ﷺ secara mutawatir kepada Nabi SAW yang bersifat mukjizat di mana mendapat pahala jika dibacanya yang terangkum dari awal surah Fatihah hingga akhir surah al-Nas.

1. al-Furqan (Pembeza hak dengan batil)
2. al-Zikr (Peringatan)
3. al-Majid (Mulia)
4. al-Huda (Petunjuk)
5. al-Haq (Kebenaran)



## DEFINISI SAINS.

Secara etimologi, perkataan sains berasal daripada bahasa Latin *scio*, *scire* atau *scientia* yang bermaksud pengetahuan. Endang Saifuddin Ansari (1982) menyatakan bahawa sains mempunyai ciri-ciri, tanda dan syarat yang khas. Justeru, sains lebih tepat dertiakan sebagai ilmu atau ilmu pengetahuan. Definisi ini turut disokong oleh Wan Fuad (1990) yang turut menyatakan asal pengertian sains adalah ilmu.

Namun, setelah kemunculan sains moden, definisi sains telah berubah. Merujuk Kamus Dewan (2005), perkataan sains diuraikan sebagai ilmu pengetahuan yang teratur (sistematik) yang boleh diuji atau dibuktikan kebenarannya yang merangkumi ilmu fizik, kimia, biologi dan lain-lain.

Sulaiman Nordin (1993), turut berpandangan bahawa sains adalah satu kumpulan ilmu yang tersusun dan teratur yang mengkaji tentang fenomena-fenomena alam tabii yang bernyawa dan tidak bernyawa dengan menggunakan kaedah yang objektif melalui eksperimen dan cerapan bagi menghasilkan prinsip-prinsip yang boleh dipercayai serta boleh diuji kebenarannya. Secara amnya, pembahagian sains moden dibahagikan kepada Sains Tulen (Tabii), Sains Gunaan dan Sains Sosial.



Dalam konteks Islam, sains dilihat sebagai suatu penjelajahan alam semesta sama ada di darat atau di laut dan di langit atau di bumi yang merangkumi benda hidup atau bukan hidup yang membawa manusia kepada penemuan kekuasaan, kebesaran dan kebijaksanaan Allah ﷺ. Dengan kata lain, sains yang bergerak atas paksi akidah akan membawa satu mesej agung iaitu mentauhid dan mengagungkan Allah ﷺ sebagai Pencipta alam semesta.

## PERANAN AL-QURAN DALAM BIDANG SAINS

### 1 Al-Quran Rujukan Utama Ilmu Sains.

Sebagai mukjizat teragung yang diturunkan oleh Allah ﷺ kandungan al-Quran sentiasa mendahului pemikiran manusia. Kandungan al-Quran tidak hanya terbatas kepada persoalan ibadah, larangan melakukan maksiat, sirah nabi-nabi, syurga dan neraka, malah ia mengandungi maklumat sains yang dikenali sebagai fakta saintifik. Penemuan fakta sains oleh saintis Barat sebenarnya lebih awal dinukilkan oleh Allah ﷺ dalam al-Quran. Malah, teori-teori sains yang ditemui oleh saintis moden selari dengan kandungan al-Quran tanpa wujud sedikit pun percanggahan. Ini membuktikan al-Quran bersifat benar dan ia merupakan panduan dalam meneroka ilmu sains. Allah ﷺ berfirman dalam Surah Fussilat ayat 53 :

نُرِيْهِمْ ءَاءِيْتَنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ أَحْقُّ أَوْمَعْ يَكْفِ بِرِبِّكَ أَنَّهُ، عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿٥٣﴾



01

## AL-QURAN DAN SAINS

### PERANAN AL-QURAN DALAM BIDANG SAINS

**Maksudnya :** Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kebesaran )Kami di segenap penjuru dan pada diri mereka sendiri, sehingga jelaslah bagi mereka bahawa Al-Quran adalah benar. Tidak cukupkah ternyata kepada mereka kebenaran itu (bagi kamu) bahawa Tuhanmu menjadi saksi atas tiap-tiap sesuatu?

### 2 Melahirkan Sifat Tafakkur Kepada Allah.

Kajian sains dalam konteks Islam akan mewujudkan sifat tafakkur seseorang kepada Maha Pencipta. Penyelidikan sains yang dilakukan secara ikhlas akan mendorong seseorang sentiasa mengingati Allah ﷺ melalui segala ciptaan-Nya sama ada di langit atau di bumi dan seterusnya menginsafi dirinya sebagai hamba yang lemah. Antara ayat al-Quran yang mendorong manusia mengkaji alam dapat melahirkan sifat tafakkur ialah ayat ke 190 : Surah Ali Imran :

إِنَّ فِي خُلُقِ الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخِرَتِ اللَّيْلِ وَأَنْهَارِ لَأَيْتِ لَّا فِي الْأَلْبَابِ ﴿١٩٠﴾

**Maksudnya :** “Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal (190).

( Surah Ali Imran : 190 )



## 01

# AL-QURAN DAN SAINS

## PERANAN AL-QURAN DALAM BIDANG SAINS

3

Memberi ruang manusia berkarya dan berinovasi

Al-Quran menghabarkan bahawa tujuan alam diciptakan adalah untuk membolehkan manusia melaksanakan amanah sebagai khalifah di muka bumi. Firman Allah :

﴿٢٩﴾ هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا...  
Surah al-Baqarah: 29)

**Maksudnya :** “Dia lah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi...”

Berdasarkan firman di atas, dapat kita fahami bahawa penciptaan setiap perkara di alam ini telah memberi ruang kepada manusia untuk berkarya dan berinovasi dalam menyediakan keperluan kehidupan seharian seperti makanan, pakaian, tempat perlindungan, kenderaan dan sebagainya. Namun, dalam usaha untuk memanfaatkan ciptaan alam, manusia perlu kepada ilmu sains dalam memenuhi keperluan hidup.

## SAINS DALAM AL-QURAN

Menurut Abdussalam (1995), al-Quran mengandungi lebih daripada 750 ayat saintifik yang menerangkan tentang pelbagai fenomena alam tabie. Pada zaman silam, ayat-ayat tersebut tidak difahami dengan jelas aspek saintifiknya sebagaimana yang difahami



## AL-QURAN DAN SAINS

### SAINS DALAM AL-QURAN

oleh fenomena alam tabie. Pada zaman silam, ayat-ayat tersebut tidak difahami dengan jelas aspek saintifiknya sebagaimana yang difahami oleh sarjana Islam masa kini. Ini kerana al-Quran bukanlah kitab sains, sebaliknya ia adalah kitab yang memberikan petunjuk dan tanda-tanda kebesaran Allah ﷺ melalui penciptaan alam.

Selain itu, Allah ﷺ memberikan penghormatan kepada golongan beriman yang gemar menggunakan akal untuk mengkaji ciptaan-ciptaan-Nya dengan gelaran Ulul Albab. Perkara ini jelas dinyatakan oleh Allah ﷺ dalam ayat berikut:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاحْتِلَافِ اللَّيلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولَئِكَ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلَى جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ  
رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَاطِلًا سُبْحَنَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩٠﴾  
رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَاطِلًا سُبْحَنَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

**Maksudnya :** Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal(190); (laitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (ambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka (191)

(Surah Ali-Imran:190-191) 09



01

# AL-QURAN DAN SAINS

## SAINS DALAM AL-QURAN

- Langit dan bumi berasal dari asap (Surah Fussilat : 11)
- Kejadian alam semesta (Surah al-Anbiyyaa' : 30)
- Alam semesta mengembang (Surah al-Zariyat:47)
- Matahari sebagai pelita dan bulan sebagai cahaya (Surah al-Nuh : 15-16)
- Langit sebagai atap bumi (Surah Surah al-Anbiyyaa' : 32)

ALAM CAKERAWALA

### DARATAN DAN LAUTAN

- Kejadian gunung-ganang (Surah Surah al-Naba' : 6-7)
- Pembentukan gunung berapi di bawah laut (Surah al-Thur :6)
- Hidupan laut sebagai sumber makanan (Surah al-Nahl :14)
- Sifat air laut yang masin (Surah al-Rahman: 19)

- Tumbuhan menjalar dan tidak menjalar (Surah al-An'aam : 140)
- Pohon berumpun dan tidak berumpun (Surah al-Ra'd: 4)
- Tumbuhan perlu air untuk hidup (Surah al-Zumar: 21)
- Biji benih sebagai cara pembibitan tumbuhan (Surah al-An'aam : 95)

TUMBUHAN

### HAIWAN

- Rahsia lebah (Surah al-Nahl : 68)
- Rahsia ciptaan unta (Surah al-Ghasiyyah:17)
- Lalat (Surah al-Hajj: 73)
- Kuda (Surah al-Adiyyat)

- Penentuan jantina (Surah al-Najm 45-46)
- Peringkat kejadian manusia (Surah al-Mukminun: 14)
- Cap jari sebagai tanda pengenalan manusia (Surah Qiamah: 3-4)
- Kulit reseptor deria sakit (Surah al-Nisa': 56)

MANUSIA

Rajah: Fakta saintifik dalam al-Quran



01

## AL-QURAN DAN SAINS

### KESIMPULAN

Ilmu sains sangat penting dipelajari demi kesejahteraan manusia, alam sekitar, pembangunan ekonomi dan sebagainya. Malah Allah ﷺ tidak menghalang hambanya untuk mempelajari sains selagi ia tidak bercanggah dengan akidah dan syariah. Meneroka ilmu sains dengan berpaksikan tauhid secara tidak langsung ia akan dapat menyingkap tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah ﷺ. Secara tidak langsung manusia akan menyedari akan hakikat hamba dan khalifah di muka bumi ini.

# PENGUKUHAN

## Bab 1



IMBAS  
UNTUK  
SEMAK

### A: Isi tempat kosong berikut dengan jawapan yang tepat.

Al-Quran ialah kitab yang diturunkan Allah ﷺ secara (1) \_\_\_\_\_ kepada Nabi SAW yang bersifat (2) \_\_\_\_\_ di mana mendapat pahala jika dibacanya yang terangkum dari awal (3) \_\_\_\_\_ hingga akhir (4) \_\_\_\_\_.

### B: Bulatkan jawapan yang betul.

1. Manakah antara berikut BUKAN nama-nama bagi al-Quran?
  - a) Al-Haq
  - b) Al-Lail
  - c) Al-Majid
  
2.
  - Al-Quran rujukan utama ilmu sains.
  - Melahirkan sifat tafakkur kepada Allah.
  - Memberi ruang manusia berkarya dan berinovasi.

Pernyataan di atas merujuk kepada ...

- a) Peranan al-Quran dalam bidang sains.
- b) Peranan Sains dalam al-Quran
- c) Peranan al-Quran sebagai mukjizat

# PENGUKUHAN

## Bab 1



IMBAS  
UNTUK  
SEMAK

C: Padankan ayat saintifik yang sesuai dengan topik berikut.

Haiwan

Kulit reseptor deria sakit (Surah al-Nisa': 56)

Tumbuhan

Kejadian gunung-ganang (Surah al-Naba' : 6-7)

Manusia

Rahsia ciptaan unta (Surah al-Ghasiyah:17)

Alam  
Cekerawala

Langit dan bumi berasal dari asap (Surah Fussilat : 11)

Daratan dan Lautan

Biji benih sebagai cara pembiakan tumbuhan(Surah al-An'aam : 95)

Matahari sebagai pelita dan bulan sebagai cahaya (Surah al-Nuh : 15-16)

Pembentukan gunung berapi di bawah laut (Surah al-Thur :6)

Tumbuhan perlu air untuk hidup (Surah al-Zumar: 21)

Rahsia lebah

(Surah al-Nahl : 68)

Peringkat kejadian manusia (Surah al-Mukminun: 14)

### Hasil Pembelajaran

1. Pelajar dapat menguraikan teori kejadian alam semesta menurut al-Quran dan sains

#### PENULIS :

1. Nor Azmin binti Mohamed Salleh



02

## TEORI BIG BANG: Tafsir ayat 30-34 Surah al-Anbiyaa'

### PENDAHULUAN

Surah al-Anbiyaa' merupakan surah yang ke-21 mengikut susunan di dalam al-Quran al-Karim. Ia terdiri daripada 112 ayat dan dikategorikan sebagai surah Makiyyah. Dinamakan dengan al-Anbiyaa' kerana surah ini menceritakan kisah jihad para nabi yang diutus kepada kaum mereka tidak beriman kepada Allah ﷺ. Penceritaan bermula dengan kisah Nabi Ibrahim A.S, kemudian ditutup dengan penegasan bahawa Nabi Muhammad ﷺ adalah rahmat bagi alam semesta.





02

## TEORI BIG BANG: Tafsir ayat 30-34 Surah al-Anbiyaa'

### AYAT UTAMA

أَوْلَمْ يَرَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَّقْنَاهُمَا ۚ وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلِّ شَيْءٍ حَيًّا ۖ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ۝ ۳۰ ۝ وَجَعَلْنَا فِي الْأَرْضِ رُؤْسَىًّا أَنْ تَمِيدَ بِهِمْ وَجَعَلْنَا فِيهَا فِجَاجًا سُبُلًا لَعَلَّهُمْ يَهْتَدُونَ ۝ ۳۱ ۝ وَجَعَلْنَا السَّمَاءَ سَقْفًا حَمُوهُظًا ۝ وَهُمْ عَنْ ءَايَتِهَا مُعْرِضُونَ ۝ ۳۲ ۝ وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ الْلَّيلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ ۖ كُلُّ فِي فَلَكٍ يَسْبِحُونَ ۝ ۳۳ ۝ وَمَا جَعَلْنَا لِبَشَرٍ مِنْ قَبْلِكَ أَخْلَدَ ۖ أَفَإِنْ مِتَ فَهُمْ أَخْلَدُونَ ۝ ۳۴ ۝

**Maksudnya:** Dan apakah orang kafir tidak mengetahui bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu kedua-duanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara kedua-duanya ? Dan daripada air, Kami jadikan segala sesuatu yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu juga beriman? (30) Dan Kami telah jadikan di bumi gunung-ganang yang kukuh supaya bumi itu tidak bergoncang bersama mereka; dan Kami jadikan(pula) jalan-jalan yang luas, agar mereka mendapat petunjuk (31) Dan Kami jadikan langit itu sebagai bumbung yang terpelihara, sedang mereka (yang kafir itu) berpaling daripada segala tanda (kekuasaan Allah) yang terdapat padanya (32) Dan Dialah (Tuhan) yang telah menciptakan malam dan siang, matahari dan bulan. Kedua-duanya beredar dalam garis edarnya masing-masing(33) Dan Kami tidak menjadikan hidup kekal bagi seorang manusia pun sebelum kamu (Muhammad); Maka jika engkau mati, (wahai Muhammad), apakah mereka akan kekal? (34)



02

## TEORI BIG BANG: Tafsir ayat 30-34 Surah al-Anbiyaa'

### TAFSIR AYAT

Allah ﷺ berfirman mengingatkan tentang kekuasaan-Nya yang sempurna dan kerajaan-Nya Yang Maha Agung kepada orang yang mengingkari ketuhanan dan menyembah selain-Nya sedangkan hanya Dia Yang Maha berkuasa mencipta dan mengatur alam ini. Adakah makhluk itu layak disembah sedangkan langit dan bumi yang dahulunya bersatu, Allah ﷺ yang telah pisahkan menjadi dua bahagian yang berlainan. Maka langit menjadi tujuh lapisan dan bumi menjadi tujuh lapisan. Manakala antara langit dan bumi pula dipisahkan oleh lapisan udara sehingga turunnya hujan dari langit dan tanah menumbuhkan tanaman-tanaman. Imam Said bin Jubair mengatakan bahawa bumi sebelum ini melekat antara satu sama lain. Ini sejajar dengan perkataan فَتَّقَ وَرَنَّقَ.

رَنَّقَ

Bermaksud terhimpun,  
melekat dan menguncup.

فَتَّقَ

Bermaksud mengembang  
dan terungkai.



Kemudian Allah ﷺ menunjukkan kekuasaan-Nya dengan firman-Nya bahawa setiap makhluk yang bernyawa adalah daripada air. Yakni setiap haiwan pastinya berasal daripada nutfah yang mengandungi air. Begitu juga dengan tumbuhan yang tidak mampu tumbuh tanpa air. Maka tidakkah manusia renung-renungkan bukti di sekeliling mereka, sedangkan mereka menyaksikan sendiri bagaimana terbentuknya makhluk sedikit demi sedikit.




02

## TEORI BIG BANG: Tafsir ayat 30-34 Surah al-Anbiyaa'

### TAFSIR AYAT

Kemudian Allah ﷺ berfirman dengan menjelaskan bahawa tujuan penciptaan gunung-ganang adalah untuk memeliharaimbangan bumi supaya tidak bergoncang atau terumbang-ambing. Fungsi gunung ini dapat dilihat pada perkataan رُؤسَى yang bermaksud sesuatu yang menancap ke dalam bumi. Gunung mengimbangi bumi dalam pelbagai bentuk. Ia mungkin memeliharaimbangan bumi daripada tekanan luar permukaan bumi atau tekanan dari dalam perut bumi. Selain itu, Allah ﷺ menciptakan antara gunung-gunung itu jalan tembus yang luas iaitu banjaran-banjaran yang dapat dilalui manusia dalam perjalanan dari satu daerah ke daerah yang lain dan dari satu negeri ke negeri yang lain.

Ayat seterusnya Allah ﷺ menunjukkan kuasa-Nya yang Maha Agung dengan menciptakan langit sebagai bumbung yang memelihara bumi daripada bahaya ruang angkasa seperti batu meteor dan radiasi yang boleh memusnahkan bumi. Biar pun begitu, masih terdapat golongan yang enggan merenungi ciptaan Allah di langit seperti kejadian matahari, bulan, bintang, pertukaran siang dan malam yang merupakan bukti nyata dan pelajaran bagi mereka tentang keesaan dan keagungan Allah.





02

## TEORI KEJADIAN ALAM

### Tafsir ayat 30-34 Surah al-Anbiyya'

#### TAFSIR AYAT

Pada ayat berikutnya, Allah ﷺ menunjukkan satu lagi tanda kebesaran-Nya iaitu dengan menciptakan malam, siang, matahari dan bulan. Ciptaan Allah itu, masing-masing berputar pada garis edarnya (garisan orbit). Garisan orbit tidak akan beredar tanpa planet-planet itu di ruang angkasa. Proses peredaran bumi mengelilingi matahari pada garisan orbit, dan pada masa yang sama bumi berputar pada garis orbitnya sendiri telah menyebabkan terjadinya fenomena siang dan malam. Fenomena ini merupakan nikmat yang besar kepada manusia. Sinaran matahari sebagai petanda siang memberikan manfaat kepada manusia untuk melakukan aktiviti di bumi. Manakala bulan, sebagai petanda malam dapat memberikan kerehatan dan ketenangan kepada manusia.

Setelah Allah menunjukkan bukti-bukti akan kewujudan Maha Pencipta yang Esa, Allah ﷺ menegaskan bahawa setiap manusia pasti akan mati. Nabi Muhammad ﷺ dan siapa pun daripada kalangan orang terdahulu atau selepas baginda pasti akan ditimpa kematian. Maka salahlah anggapan orang yang menyekutukan Allah ﷺ bahawa mereka akan hidup kekal untuk terus mengingkari Allah ﷺ setelah kewafatan Nabi Muhammad ﷺ.



02


## TEORI BIG BANG:

### Tafsir ayat 30-34 Surah al-Anbiyaa'

#### PEBINCANGAN AYAT : BIG BANG TEORI KEJADIAN ALAM

Proses permulaan kejadian alam semesta yang telah Allah ﷺ gambarkan dalam ayat ke-30 merupakan bukti yang sangat jelas bahawa alam ini bukanlah terjadi dengan sendirinya, bahkan ia telah diciptakan oleh Yang Maha Berkuasa dan Yang Esa. Teori moden yang menjelaskan fenomena permulaan alam semesta tersebut dikenali sebagai Teori Ledakan Besar atau Teori Big Bang.

Menurut teori ini, kejadian alam bermula sejak 12-14 bilion tahun yang lalu. Pada ketika itu saiz alam adalah dalam beberapa milimeter dan ia dalam keadaan tumpat dan sangat panas. Akibat daripada ketumpatan dan kepanasan yang sangat tinggi, satu ledakan yang kuat telah berlaku. Inilah yang dikatakan sebagai Big Bang.



Rajah menunjukkan perluasan atau pengembangan alam semesta. (Sumber imej: Wikipedia)

Selepas ledakan kuat berlaku, bermulanya proses pengembangan dan penyejukan alam semesta sehingga terbentuknya bintang, planet, galaksi dan seumpamanya di ruang angkasa. Teori pengembangan ini asalnya ditemui oleh Albert Einstein pada tahun 1915 sebelum dikembangkan oleh seorang pakar fizik Rusia,



02

## TEORI BIG BANG:

### Tafsir ayat 30-34 Surah al-Anbiyaa'

#### PEBINCANGAN AYAT : BIG BANG TEORI KEJADIAN ALAM

Alexander Friedmann pada tahun 1922. Kemudian teori ini dikukuhkan oleh Edwin Hubble, seorang pakar astronomi Amerika Syarikat pada tahun 1929 setelah menemukan sesuatu melalui teleskopnya. Beliau menemui bahawa bintang-bintang sedang bergerak dan menjauhi bumi dan sesama bintang itu sendiri. Ini menunjukkan bahawa alam semesta sedang berkembang secara konsisten.

Kewujudan gas helium dan sinaran radiasi yang dinamakan sebagai *Cosmic Background Radiation* secara seimbang di angkasa menguatkan lagi teori Big Bang. Radiasi tersebut bukannya terpancar daripada sumber yang tertentu, tetapi ia memenuhi seluruh ruang angkasa. Penggunaan alat pengesan khas NASA yang dikenali sebagai *Cosmic Background Explorer Satellite* (COBE spacecraft) antara tahun 1989 hingga 1993, mengesahkan teori yang ditemui oleh dua pakar astrofizik Amerika, Arno Penzias dan Robert Wilson pada 1965 itu adalah benar bahawa radiasi berkenaan merupakan sisa daripada letusan awal Big Bang yang masih ada.

Pada hari ini, teori Big Bang sebagai Teori Permulaan Kejadian Alam sangat sukar digugat oleh pakar-pakar kosmologi moden. Firman Allah ﷺ dalam surah al-Anbiyaa' ayat ke-30 adalah sesuatu yang bersifat saintifik dan menakjubkan. Al-Quran terlebih dahulu menyebut tentang kejadian alam semesta ini sebelum ia ditemui oleh para saintis moden sama ada muslim atau bukan muslim.



02

## TEORI BIG BANG: Tafsir ayat 30-34 Surah al-Anbiyaa'

### PEBINCANGAN AYAT : BIG BANG TEORI KEJADIAN ALAM

Selain mengaku alam semesta ini ada permulaan, kebanyakkan pakar kosmologi yakin bahawa alam semesta ini adalah terbatas dari aspek ruang dan umur. Keyakinan berhubung perkara ini adalah hasil daripada cerapan-cerapan tentang pembentukan galaksi, pengembangan alam semesta dan pereputan jirim. Ini bermakna alam ini akan binasa. Tanda berakhirnya alam ini telah dinyatakan oleh Allah dalam surah al-Anbiyaa ayat 104:

يَوْمَ نَطُوي السَّمَاءَ كَطَيِّ السِّجْلِ لِلْكُتُبِ هـ كَمَا بَدَأْنَا أَوَّلَ خَلْقٍ نُعِيدُه هـ وَعْدًا عَلَيْنَا هـ  
إِنَّا كُنَّا فَاعِلِينَ ﴿١٤﴾

**Maksudnya:**...(iaitu) pada hari Kami gulung langit sebagai menggulung lembaran-lembaran kertas. Sebagaimana Kami telah memulai penciptaan pertama begitulah Kami akan mengulanginya. Itulah suatu janji yang pasti Kami tepati. Sesungguhnya Kamilah yang akan melaksanakan.(104)

( Surah al-Anbiyaa : 104)



Jom  
Tonton!

Apa itu Teori Big Bang ?  
( Sumber: Youtube)



02

## TEORI BIG BANG:

### Tafsir ayat 30-34 Surah al-Anbiyaa'

#### PENGAJARAN AYAT

1

Ayat ini menyeru manusia agar berfikir dan merenungkan segala kejadian alam sama ada di langit atau di bumi yang menjadi tanda kekuasaan Allah Yang Maha Sempurna sebagai Pencipta dan Maha Mengatur segalanya.

2

Rahsia Allah memisahkan bumi yang dahulunya satu kepada dua adalah bersesuaian dengan fitrah kehidupan manusia, haiwan dan tumbuhan yang memerlukan udara dan air untuk hidup.

3

Sesuatu yang Allah ciptakan sama ada di langit atau bumi tidak akan kekal melainkan Allah yang Maha Pencipta.

# PENGUKUHAN

## Bab 2



IMBAS  
UNTUK  
SEMAK

### A: Suaikan dengan jawapan yang tepat.

رَتْقاً

Bermaksud  
mengembang dan  
terungkai.

فَتَقْ

Bermaksud terhimpun,  
melekat dan  
menguncup.

### B: Bulatkan jawapan yang betul.

1. Proses peredaran bumi mengelilingi matahari pada garisan orbit yang pada masa yang sama bumi berputar pada garis orbitnya sendiri telah menyebabkan terjadinya fenomena \_\_\_\_\_.
  - a) Siang dan Malam
  - b) Hujan dan Panas
  - c) Air Pasang Surut
  
2. Siapakah yang menemui teori pengembangan Big Bang ?
  - a) Alexander Friedmann
  - b) Edwin Hubble
  - c) Albert Einstein

# PENGUKUHAN

## Bab 2



IMBAS  
UNTUK  
SEMAK

C: Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Big Bang	milimeter	ketumpatan	ledakan
----------	-----------	------------	---------

Kejadian alam bermula sejak 12-14 bilion tahun yang lalu. Pada ketika itu saiz alam adalah dalam beberapa (1)\_\_\_\_\_ dan ia dalam keadaan tumpat dan sangat panas. Akibat daripada (2)\_\_\_\_\_ dan kepanasan yang sangat tinggi, satu (3)\_\_\_\_\_ yang kuat telah berlaku. Inilah yang dikatakan sebagai (4)\_\_\_\_\_.



03

## PEMBINAAN TEMBOK ISKANDAR ZULQARNAIN

Tafsir ayat 94-98 Surah Al-Kahfi

Hasil  
Pembelajaran

1. Pelajar dapat menguraikan teknologi tembok yang dibina oleh Raja Zulqarnain menurut al-Quran & sains.

### PENULIS :

1. Nor Azmin binti Mohamed Salleh





**03**


## **PEMBINAAN TEMBOK ISKANDAR ZULQARNAIN**

### Tafsir ayat 94-98 Surah Al-Kahfi

#### **PENDAHULUAN**

Surah al-Kahfi adalah surah ke-18 dalam al Quran. Surah ini mempunyai 110 ayat dan termasuk dalam golongan surah Makiyyah. Dinamakan al-Kahfi kerana Allah merakamkan kisah ajaib dan menakjubkan tentang Ashabul Kahfi (Penghuni-Penghuni Gua) pada ayat 9 - 26 yang menjadi bukti sangat nyata bahawa Allah itu Maha Berkuasa. Surah ini diturunkan kepada Nabi Muhammad ﷺ untuk menjawab tiga persoalan utama yang diajukan oleh Musyrikin Mekah kepada baginda, iaitu Ashabul Kahfi, persoalan roh dan Zulqarnain yang tidak ada dalam pengetahuan manusia melainkan Allah ﷺ.

Kisah Zulqarnain disebut oleh Allah ﷺ bermula ayat 83-99 untuk memberi pengajaran kepada ketua Musyrikin Mekah agar menjadikan Zulqarnain sebagai teladan. Walaupun Zulqarnain seorang raja yang hebat, menguasai kerajaan timur dan barat dan berjaya membina tembok yang kukuh, beliau tetap tunduk dan taat kepada Allah ﷺ. Tembok yang dibina oleh Zulqarnain merupakan kisah yang sangat menakjubkan dan merupakan rahmat Allah ﷺ kepada manusia.



**Tiga Kisah Utama dalam Surah al-Kahfi.**

Tembok yang dibina atas ketakwaan tersebut bukan hanya dapat menyelamatkan golongan manusia yang ditemui oleh beliau ketika dalam perjalanan antara timur dan barat, malahan ia dapat menyelamatkan seluruh manusia daripada kezaliman Yakuj dan Makjuj Sehingga hari Kiamat.



03

## PEMBINAAN TEMBOK ISKANDAR ZULQARNAIN

Tafsir ayat 94-98 Surah Al-Kahfi

### AYAT UTAMA

قَالُوا يَدَا الْقَرْنِينِ إِنَّ يَأْجُوجَ وَمَاجُوجَ مُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ خَرْجًا عَلَى آنَ تَجْعَلَ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ سَدًا ﴿٩٤﴾ قَالَ مَا مَكَّتِي فِيهِ رَبِّي خَيْرٌ فَأَعِينُونِي بِقُوَّةٍ أَجْعَلُ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ رَدْمًا ﴿٩٥﴾ ءَاتُونِي زُبَرَ الْحَدِيدِ حَتَّىٰ إِذَا سَأَوَى بَيْنَ الْأَصْدَافِينِ قَالَ أَنْفُخُوهُ حَتَّىٰ إِذَا جَعَلَهُ نَارًا قَالَ ءَاتُونِي أَفْرَغْ عَلَيْهِ قَطْرًا ﴿٩٦﴾ فَمَا أَسْطَاعُوا أَنْ يَظْهِرُوهُ وَمَا أَسْتَطَاعُوا لَهُ نَقْبًا ﴿٩٧﴾ قَالَ هَذَا رَحْمَةٌ مِّنْ رَبِّي فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّي جَعَلَهُ دَكَاءً وَكَانَ وَعْدُ رَبِّي حَقًّا ﴿٩٨﴾

**Maksudnya :** Mereka berkata: " Wahai Zulqarnain! Sesungguhnya Yakjuj dan Makjuj itu orang yang membuat kerosakan di bumi, maka bolehkah kami membayarmu upah supaya kamu membina dinding antara kami dan mereka? (94) Zulqarnain berkata: Apa yang telah dianugerahkan oleh Tuhan kepadaku terhadapnya adalah lebih baik bayarannya, maka bantulah daku dengan kekuatan (manusia dan alat), agar aku membina dinding penghadang antara kamu dengan mereka (95). Berilah kepadaku potongan-potongan besi! Sehingga apabila besi itu telah sama rata dengan kedua-dua (puncak) gunung itu, berkatalah Zulqarnain: "Tiuplah (api itu)!" Hingga apabila besi itu telah menjadi (merah seperti) api, dia pun berkata: "Berilah aku tembaga cair (yang mendidih) supaya aku tuangkan atas besi panas itu".(96) Maka mereka (Yakjuj dan Makjuj) tidak dapat mendakinya dan mereka tidak dapat (pula) melubanginya (97). Zulqarnain berkata: " Ini (dinding) adalah rahmat daripada Tuhan, maka apabila sudah datang janji Tuhan, Dia akan menjadikannya hancur luluh; dan janji Tuhan adalah benar" (98)



03

## PEMBINAAN TEMBOK ISKANDAR ZULQARNAIN

### Tafsir ayat 94-98 Surah Al-Kahfi

#### TAFSIR AYAT

Allah ﷺ berfirman dalam ayat ke-94 sambil menceritakan bahawa terdapat dua golongan makhluk Allah yang sangat gemar melakukan kerosakan dan kejahatan di muka bumi. Mereka ialah Yakuj dan Makuj. Perkhabaran tentang Yakuj dan Makjud telah sampai kepada pengetahuan Zulqarnain melalui satu kaum yang tinggal di sebalik antara 2 dua gunung. Ada yang berpandangan gunung tersebut terletak di Armenia dan Azarbaijan. Biar pun Zulqarnain tidak dapat memahami bahasa kaum tersebut, tetapi dengan bantuan penterjemah, beliau dapat mengetahui bahawa Yakuj dan Makuj adalah dua kabilah yang suka melakukan pelbagai kerosakan seperti merampas, melakukan kezaliman dan membunuh. Lalu kaum tersebut menawarkan upah yang tinggi yang diambil daripada harta-harta mereka untuk diberikan kepada Zulqarnain agar dapat membina tembok yang dapat melindungi mereka daripada Yakuj dan Makuj.

Ayat yang berikutnya, Allah ﷺ berfirman bahawa untuk membina tembok yang kukuh dan kuat, Zulqarnain mencadangkan agar kaum itu membantunya dari sudut kekuatan iaitu memberikan kepadanya lelaki – lelaki yang kuat serta peralatan yang lengkap berbanding memberikan upah yang banyak kepadanya.

 Yakuj dan Makuj adalah kaum Tartar dan Monggol. Keduaduanya berasal daripada satu ayah yang bernama Turk yang dahulunya tinggal di kawasan utara Asia.



**AL-MARAGHI**



03

## PEMBINAAN TEMBOK ISKANDAR ZULQARNAIN

### Tafsir ayat 94-98 Surah Al-Kahfi

#### TAFSIR AYAT

Kemudian Zulqarnain meminta mereka memberikan kepadanya potongan-potongan besi (نَحْرُ الْجَنِيدِ) untuk membangunkan tembok di antara dua gunung. Beliau meletakkan sebahagian potongan besi di atas potongan besi yang lain dari bawah sehingga ketinggiannya setinggi puncak kedua-dua gunung serta menutupi jarak antara kedua-duanya.

IBNU ABBAS,  
MUJAHID &  
QATADAH,

Potongan besi  
adalah berbentuk  
bata.



Berat satu  
potongan besi  
lebih kurang 100  
kati (50kg).

IBNU  
KATHIR

Rajah: Pandangan potongan besi menurut Ahli Tafsir

Setelah itu, Zulqarnain berkata tiuplah (أَنْفَخُو) iaitu Zulqarnain meminta mereka yang membantunya untuk menyalaikan api di atas potongan -potongan besi yang disusun lalu meniupnya dengan menggunakan sesuatu alat peniup, sehingga besi itu menjadi merah menyala seperti api. Kemudian untuk mengukuhkan lagi tembok yang dibina, Zulqarnain menuangkan cairan tembaga ke atas besi-besi yang dipanaskan tersebut sehingga ia benar-benar menyatu, kukuh dan menutupi lubang-lubang antara besi – besi sehingga Yakuj dan Makuj tidak mampu mendaki (فَمَا أُسْطَعْغُوا) tembok tersebut kerana sangat tinggi dan licin . Malahan mereka juga tidak mampu menebuk lubang (وَمَا أُسْتَطَعُوا) mana-mana bahagian tembok kerana binaannya yang sangat kuat dan keras. Keadaan ini memberi rasa aman ke atas penduduk di sekitar kawasan itu yang selama ini takut kepada Yakuj dan Makuj.



03

## PEMBINAAN TEMBOK ISKANDAR ZULQARNAIN

Tafsir ayat 94-98 Surah Al-Kahfi

### TAFSIR AYAT

Setelah Zulqarnain selesai membina tembok tersebut, beliau mengatakan bahawa tembok itu merupakan nikmat dan bentuk kasih sayang Tuhan kepada hamba-Nya. Ini kerana tembok itu mampu menjadi penghalang kepada Yakuj dan Makuj daripada melakukan kerosakan dan kemusnahan ke atas manusia. Begitulah sifat Zulqarnain yang tidak akan sesekali meletakkan kekuatan dan kelebihan ke atas dirinya sebaliknya ia mengembalikan kelebihan tersebut kepada Allah ﷺ. Namun begitu, apabila telah tiba waktu yang dijanjikan Allah, tembok ini akan hancur lebur dan sama rata dengan bumi (دَكَأَ). Pada waktu itu, tiada apa yang dapat menghalang tembok itu daripada binasa kerana sesungguhnya janji Allah ﷺ itu adalah benar dan pasti akan berlaku.



Jom  
Tonton!



03

## PEMBINAAN TEMBOK ISKANDAR ZULQARNAIN

### Tafsir ayat 94-98 Surah Al-Kahfi

#### PERBINCANGAN AYAT: TEMBOK ZULQARNAIN

Zulqarnain merupakan salah seorang raja yang Allah ﷺ sebutkan dalam al-Quran dan dikurniakan kekuasaan luar biasa sehingga dapat menakluki wilayah timur dan barat. Digelar Zulqarnain kerana kepalanya mempunyai bentuk seperti tanduk. Selain itu, ada yang berpendapat bahawa beliau memakai mahkota perang dengan dua tanduk. Terdapat pandangan yang menyatakan beliau adalah Iskandar bin Filips al-Maqduni al-Yunani dari Macedonia yang memiliki kekuasaan yang sangat luas dan merupakan murid kepada Aristotle. Ada juga yang berpendapat beliau merupakan seorang Raja Himyar (Yemen) kerana ramai dalam kalangan raja-raja Yaman menggunakan gelaran ‘Zu’. Terdapat juga pandangan yang mengatakan beliau adalah Alexander the Great. Namun pandangan yang mendakwa Zulqarnain sebagai Alexendar, disanggah oleh majoriti ilmuan Islam seperti Ibn Asyur.

Antara kehebatan Zulqarnain yang Allah ﷺ sebutkan dalam surah al-Kahfi adalah kehebatan buah fikirannya untuk membina tembok yang tinggi dan kukuh dengan menggunakan teknologi besi dan tembaga agar dapat melindungi manusia dari kejahatan dan kezaliman Yakuj dan Makuj. Kesungguhan Zulqarnain membina tembok tersebut adalah melebihi apa yang diminta oleh penduduk di kawasan itu. Keadaan ini jelas dengan penggunaan kalimah (عَزِيزٌ) yang memberi maksud lebih kukuh berbanding kalimah (شَدِيدٌ) dalam ayat ke-94 hingga 95 surah al-Kahfi.



03

## PEMBINAAN TEMBOK ISKANDAR ZULQARNAIN

### Tafsir ayat 94-98 Surah Al-Kahfi

#### PERBINCANGAN AYAT: TEMBOK ZULQARNAIN

##### LOKASI TEMBOK ZULQARNAIN.

Terdapat beberapa pandangan tentang lokasi tembok Zulqarnain. Namun pandangan yang kuat adalah seperti berikut:

1

##### Ibn. Abbas r.a dan ahli tafsir al-Qur'an

Tembok tersebut terletak di persimpangan negara Turki dan Rusia, iaitu di Pergunungan Caucasus di utara Georgia. Ketinggian Pergunungan Caucasus adalah antara 1000 - 3000 meter dan mampu menjadi penghalang yang tebal, teguh dan tinggi kepada Yakuj dan Makjuj daripada dapat mendaki dan menembusi dinding tersebut. Dinding ini dikenali sebagai Jurang Darial ( Daryal Gorge / Iberian Gates, atau Caucasian Gates) yang diperbuat daripada besi bercampur tembaga serta ia disaliri dengan Sungai Terek.

2

##### al-Qasimi.

Tembok tersebut terletak di kawasan Daghestani iaitu sebahagian daripada Rusia yang terletak di antara bandar Durband dan Khuzar. Di sana terdapat tempat yang sempit sejak sekian lama yang dikenali dengan pintu besi. Ia merupakan gabungan pergunungan Qauqaz. Orang Arab memanggilnya dengan Gunung Qaf. Dr. Abdul Halim Khidir menerangkan sifat pergunungan Qauqaz adalah cukup sangat tinggi dan sukar didaki. Panjang pergunungan tersebut adalah 1200kilometer dan merupakan pergunungan tertinggi di seluruh Eropah.



03

## PEMBINAAN TEMBOK ISKANDAR ZULQARNAIN

### Tafsir ayat 94-98 Surah Al-Kahfi

#### PERBINCANGAN AYAT: TEMBOK ZULQARNAIN

Secara geologinya, lokasi pembinaan tembok Zulqarnain didakwa berhampiran dengan sumber mineral berlogam yang digunakan iaitu besi dan tembaga (kuprum). Penggunaan tembaga di Pergunungan Caucasus telah berlaku sejak 6000 hingga 5000 SM. Penghasilan tembaga adalah melalui peleburan bijih kuprum dengan mineral arsenik bagi meningkatkan kebolehtempaan. Manakala besi pula diperolehi daripada pasir-pasir berbijih seperti hematit, magnetit dan siderit yang dilombong di pinggir Laut Hitam dan sungai-sungai. Selain itu, bijih hematit dan magnetit primer juga ditemui di kawasan pergunungan Caucasus. Bukan itu sahaja, pusat -pusat peleburan besi kuno yang berusia 400 hingga 200 SM, senjata-senjata seperti pisau dan alatan tajam yang diperbuat daripada besi turut ditemui di sekitar sungai -sungai utama .



Gambar: Pandangan atas dua banjaran gunung.



Gambar: Orang Georgia Purba



03

## PEMBINAAN TEMBOK ISKANDAR ZULQARNAIN

### Tafsir ayat 94-98 Surah Al-Kahfi

#### PERBINCANGAN AYAT: TEMBOK ZULQARNAIN

##### TEKNOLOGI BINAAN TEMBOK

Ringkasnya, ciri-ciri binaan tembok Zulqarnain adalah seperti berikut:

Dibina menggunakan besi dan tembaga.

Ketulan besi di susun bertingkat sehingga menyamai ketinggian dua gunung.

Susunan besi dibakar sehingga merah membara.

Seterusnya dituangkan tembaga cair untuk meningkatkan ketumpatannya.

Pendapat mengatakan tinggi tembok adalah 200 hasta atau 800 hasta. Manakala lebarnya, adalah 50 hasta.

Rajah: Teknologi Binaan Tembok Zulqarnain.

##### KAUM YANG MEMBANTU ZULQARNAIN

Herodotus berpendapat, golongan pertama yang mengetahui kaedah-kaedah pencairan dan pembentukan besi adalah daripada bangsa Georgian. Teimuraz Mikeladze dalam artikel yang ditulis oleh Bruno Coppieters menyatakan bahawa kaum Chalybs, iaitu nenek moyang orang Georgian adalah kaum pertama yang mencipta besi. Terdapat pandangan yang mendakwa bahawa mereka adalah kaum yang telah memperkenalkan teknologi besi dan seterusnya menyumbang kepada kebudayaan manusia amnya.



03

## PEMBINAAN TEMBOK ISKANDAR ZULQARNAIN

Tafsir ayat 94-98 Surah Al-Kahfi

### PERBINCANGAN AYAT: TEMBOK ZULQARNAIN

Dalam memenuhi keperluan pembinaan tembok bagi menghalang serangan kaum Yakuj dan Makuj dari arah utara pergunungan Caucasus, Zulqarnain menerima sumbangan besar daripada bangsa Georgian, Kolchis dan Armenia. Mereka ialah bangsa yang tinggal berhampiran di kawasan selatan pergunungan Caucasus dan berkemahiran dalam proses pencairan dan pertukangan besi.



Jom  
Tonton!

Tembok Zulkarnain ( Sumber: 36  
Youtube)



**03**

## PEMBINAAN TEMBOK ISKANDAR ZULQARNAIN

### Tafsir ayat 94-98 Surah Al-Kahfi

#### PENGAJARAN AYAT

**1**

Seorang pemimpin yang hebat adalah yang memiliki sifat berani, saling bekerjasama dengan ahlinya, tawaduk dan sentiasa bersyukur di atas pertolongan Allah.

**2**

Peristiwa kedatangan Yakuj dan Makuj telah Allah khabarkan dalam al-Quran agar manusia dapat melakukan persediaan untuk menghadapinya.

**3**

Ilmu penyediaan logam yang kukuh telah Allah ajarkan kepada manusia melalui kisah pembinaan tembok Zulqarnain.

**4**

Hanya Allah yang Maha Mengetahui akan lokasi sebenar tembok Zulqarnain.

**5**

Kehebatan manusia tidak akan sesekali dapat mengatasi kekuasaan dan pengetahuan Allah.

# PENGUKUHAN

## Bab 3



IMBAS  
UNTUK  
SEMAK

### A: Bulatkan jawapan yang betul.

1. Berikut adalah kisah utama yang terdapat dalam Surah al-Kahfi kecuali:
  - a) Tembok Iskandar Zulqarnain
  - b) Ashabul Kahfi
  - c) Ashabul Ukhdud
  - d) Roh
2. Yakjuj dan Makjuj berasal dari kaum \_\_\_\_\_ dan Mongol.
  - a) Parsi
  - b) Kayi
  - c) Tartar
  - d) Aus
3. Berikut adalah bentuk bantuan yang diminta oleh Zulqarnain untuk membina tembok, kecuali :
  - a) Para lelaki yang kuat
  - b) Upah yang tinggi
  - c) Peralatan yang lengkap
  - d) Potongan besi
4. Menurut Ibnu Kathir, berat potongan besi adalah lebih kurang \_\_\_\_\_.
  - a) 50 katи
  - b) 100 katи
  - c) 500 kg
  - d) 1000kg

**B. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.**

Ketumpatannya	tembaga	bertingkat	dibakar
---------------	---------	------------	---------

- i. Dibina menggunakan besi dan \_\_\_\_\_.
- ii. Ketulan besi di susun \_\_\_\_\_ sehingga menyamai ketinggian dua gunung.
- iii. Susunan besi \_\_\_\_\_ sehingga merah membara.
- iv. Seterusnya dituangkan tembaga cair untuk meningkatkan \_\_\_\_\_.



## PEMBINAAN KAPAL NABI NUH A.S

Tafsir ayat 37 - 42 Surah Hud

*Hasil  
Pembelajaran*

1. Pelajar dapat menjelaskan sejarah pembinaan kapal nabi Nuh A.S. dan mengambil pengajaran di sebalik kejadian yang telah berlaku.

PENULIS :  
Azlina binti Muhammad



## PEMBINAAN KAPAL NABI NUH A.S

Tafsir ayat 37 - 42 Surah Hud

### PENGENALAN

Surah Hud adalah surah yang ke-11 mengikut susunan di dalam al-Quran al-Karim. Surah ini mengandungi 123 ayat dan dikategorikan sebagai surah Makiyyah iaitu dan diwahyukan kepada Nabi Muhammad ﷺ sebelum penghijrahan baginda ke kota Madinah al-Munawwarah. Surah ini dinamakan Hud kerana mempunyai hubungan dengan kisah Nabi Hud A.S. bersama kaumnya iaitu `Ad yang enggan menyembah Allah ﷺ dan telah diazab dengan azab yang sangat berat. Dalam surah ini juga terdapat kisah sebahagian para nabi seperti Nabi Salleh A.S., Ibrahim A.S., Luth A.S., Syuaib A.S. dan Musa A.S. Keseluruhannya, surah ini menjelaskan berkaitan pergerakan akidah Islamiyah di dalam sejarah manusia seluruhnya, iaitu bermula zaman Nuh A.S. hingga zaman Nabi Muhammad ﷺ.



## PEMBINAAN KAPAL NABI NUH A.S

Tafsir ayat 37 - 42 Surah Hud

### AYAT UTAMA

وَاصْنَعْ الْفُلْكَ بِأَعْيُنَا وَوَحْيَنَا وَلَا تُخْطِبْنِي فِي الَّذِينَ ظَلَمُوا هُنَّ مُغْرَقُونَ ﴿٣٧﴾  
وَيَصْنَعْ الْفُلْكَ وَكَلَّمَا مَرَ عَلَيْهِ مَلَأْ مِنْ قَوْمِهِ سَخِرُوا مِنْهُ هُنَّ قَالَ إِنْ تَسْخَرُوا مِنَنَا فَإِنَّا  
نَسْخَرُ مِنْكُمْ كَمَا تَسْخَرُونَ ﴿٣٨﴾ فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ مَنْ يَأْتِيهِ عَذَابٌ يُخْزِيهِ وَيَحْلِلُ  
عَلَيْهِ عَذَابٌ مُّقِيمٌ ﴿٣٩﴾ حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَمْرُنَا وَفَارَ الْتَّنُورُ قُلْنَا أَحْمَلْنَاهُ فِيهَا مِنْ كُلِّ  
زَوْجَيْنِ اثْنَيْنِ وَأَهْلَكَ إِلَّا مَنْ سَبَقَ عَلَيْهِ الْقُولُ وَمَنْ ءَامَنَ هُوَ مَآمِنٌ وَمَمَّا ءَامَنَ مَعْهُ هُنَّ إِلَّا قَلِيلٌ  
﴿٤٠﴾ وَقَالَ أَرْكَبُوا فِيهَا بِسْمِ اللَّهِ مُحْرِبَهَا وَمُرْسَلَهَا هُنَّ إِنَّ رَبِّي لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٤١﴾  
وَهِيَ تَجْرِي بِهِمْ فِي مَوْجٍ كَاجْبَلٍ وَنَادَى نُوحُ أَبْنَهُ وَكَانَ فِي مَغْرِلٍ يَبْيَنَ أَرْكَبَ مَعْنَا  
وَلَا تَكُنْ مَعَ الْكُفَّارِينَ ﴿٤٢﴾

**Maksud:** Dan buatlah kapal itu dengan pengawasan dan petunjuk wahyu Kami, dan janganlah engkau bicarakan dengan Aku tentang orang-orang yang zalim. Sesungguhnya mereka itu akan ditenggelamkan (37). Dan mulailah dia (Nuh) membuat kapal. Setiap kali pemimpin kaumnya berjalan melewatiinya, mereka mengejeknya. Dia (Nuh) berkata, "Jika kamu mengejek kami, maka kami (pun) akan mengejekmu sebagaimana kamu mengejek (kami) (38) Maka kelak kamu akan mengetahui siapa yang akan ditimpah azab yang menghinakan dan (siapa) yang akan ditimpah azab yang kekal (39) Hingga apabila perintah Kami datang dan tanur (dapur) telah memancarkan air, Kami berfirman, "Muatkanlah ke dalamnya (kapal itu) dari masing-masing (haiwan) sepasang (jantan dan betina) dan (juga) keluargamu kecuali orang yang telah terkena ketetapan terdahulu dan (muatkan pula) orang yang beriman" Ternyata orang-orang beriman yang bersama dengan Nuh hanya sedikit(40)



## PEMBINAAN KAPAL NABI NUH A.S

Tafsir ayat 37 - 42 Surah Hud

### AYAT UTAMA

Dan dia berkata, "Naiklah kamu semua ke dalamnya (kapal) dengan (menyebut) nama Allah pada waktu belayar dan berlabuhnya. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun, Maha Penyayang**(41)** Dan kapal itu belayar membawa mereka ke dalam gelombang laksana gunung-gunung. Dan Nuh memanggil anaknya, ketika dia (anak itu) berada di tempat yang jauh terpencil, "Wahai anakku! Naiklah (ke kapal) bersama kami dan janganlah engkau bersama orang-orang kafir" **(42)**

### TAFSIR AYAT

Allah ﷺ telah mewahyukan kepada Nuh bahwasanya tidak akan ada lagi orang yang beriman daripada kaumnya dengan dakwah dan seruannya kecuali orang-orang yang telah beriman sebelumnya, maka janganlah Nuh bersedih atas sikap mereka tersebut. Justeru Allah ﷺ telah memerintahkan Nuh membina kapal sebagai persediaan untuk menyelamatkan diri dengan perlindungan dan pertolongan daripada Allah ﷺ. Pembinaan kapal tersebut dilaksanakan dengan bimbingan wahyu Allah ﷺ agar sempurna ciptaannya.





## PEMBINAAN KAPAL NABI NUH A.S

Tafsir ayat 37 - 42 Surah Hud

### TAFSIR AYAT

Setelah Nuh mulai membina kapal itu, setiap kali para pemimpin kaumnya berjalan melewatiinya, mereka selalu mengejek, mempersenda serta mendustakan ancaman banjir besar yang akan berlaku. Justeru Nuh berkata kepada kaumnya dengan tegas, "Jika kamu mengejek kami kerana kami mengusahakan apa yang sedang kami kerjakan yang dalam perkiraan kalian tidak berguna sama sekali, maka sesungguhnya kami pun akan mengejek kalian pada saat tenggelam di dunia dan dibakar api neraka sebagaimana kamu sekalian mengejek kami."

Firman Allah ﷺ yang bermaksud "Dan dapur telah memancarkan air" bermaksud bumi itu terjadi mata air-mata air yang bergolak, sehingga air itu memancar dari dapur-dapur, iaitu tempat api telah berubah menjadi mata air. Digambarkan air yang keluar darinya adalah seperti periuk mendidih.

Manakala kalimat أَتَشُوَّرْ ertiinya  
dapur tempat membuat roti,  
di mana air mulai mengalir dari  
tempat tersebut dan ia  
merupakan peristiwa luar  
kebiasaan yang  
ada dan menjadi satu  
tanda mukjizat bagi Nabi Nuh.





## PEMBINAAN KAPAL NABI NUH A.S

Tafsir ayat 37 - 42 Surah Hud

### TAFSIR AYAT

Setelah selesai pembinaan kapal, Allah ﷺ telah memerintahkan Nuh A.S membawa bersamanya di dalam kapal tersebut pelbagai jenis pasangan haiwan (jantan dan betina) agar tidak berlaku kepupusan. Selain itu, diperintahkan juga untuk membawa bersamanya anggota keluarganya dan para kaumnya yang beriman yang terdiri daripada lelaki dan perempuan kecuali isteri dan anak Nuh iaitu Yaam atau Qan`an. Ini kerana keduanya memilih untuk kafir dan bukan kerana takdir yang ditentukan ke atas mereka. Bilangan para pengikutnya yang beriman tidak diketahui jumlahnya. Walaupun tempoh dakwah nabi Nuh A.S adalah selama 950 tahun, namun jumlah pengikutnya adalah amat sedikit. Menurut Ibnu Abbas, jumlah pengikut nabi Nuh A.S yang beriman adalah seramai 80 orang.

Seterusnya Allah ﷺ memerintahkan orang yang beriman untuk naik ke kapal dengan menyebut nama Allah semasa belayar dan ketika berlabuh. Justeru itu, disunnahkan kepada kita untuk membaca basmalah ketika memulakan sesuatu pekerjaan. Firman Allah ﷺ (إِنَّ رَبِّيْ لَعَفُوْرٌ رَّحِيْمٌ) yang bermaksud “Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun, Maha Penyayang” adalah berkaitan dengan pembalasan terhadap orang kafir, iaitu dengan menenggelamkan mereka semuanya akibat kekafiran tersebut.

Seterusnya Allah ﷺ memerintahkan agar kapal tersebut belayar di atas permukaan air yang tingginya melebihi semua daratan di bumi



## PEMBINAAN KAPAL NABI NUH A.S

Tafsir ayat 37 - 42 Surah Hud

### TAFSIR AYAT

sehingga menutupi puncak gunung. Dengan izin, perlindungan dan pertolongan Allah, kapal tersebut belayar di atas air. Ketika kapal tersebut belayar, Nabi Nuh A.S telah memanggil anaknya yang kafir bernama Qan'an untuk naik ke atas kapal bersamanya agar tidak tenggelam bersama-sama mereka yang kafir. Namun anaknya telah menolak ajakan tersebut dan berkata akan mencari perlindungan di kawasan gunung yang tinggi dengan harapan dapat menyelamatkan diri daripada banjir besar itu. Qan'an sangat meyakini bahawa air banjir tidak akan sampai ke puncak gunung dan dia akan selamat. Namun Allah ﷺ telah menjelaskan bahawa pada hari tersebut tidak ada sesuatu pun yang dapat melindungi diri daripada seksaan dan azab Allah ﷺ.



Jom  
Tonton!



## PEMBINAAN KAPAL NABI NUH A.S

Tafsir ayat 37 - 42 Surah Hud

### PERBINCANGAN AYAT: KAPAL NABI NUH

Nabi Nuh A.S. telah diutus kepada kaumnya yang telah berpaling daripada ajaran nabi sebelumnya dan mula menyembah patung serta membuat kezaliman dan kekufuran. Nabi Nuh A.S adalah lambang ketabahan seorang suami dan bapa yang gagal membentuk dan mendidik isteri dan anaknya sendiri. Selama 950 tahun Nabi Nuh berdakwah, hanya sedikit sahaja kaumnya yang beriman. Mereka terlalu kuat berpegang kepada penyembahan patung. Saat Nabi Nuh bersedih atas kekufuran kaumnya, Allah ﷺ telah menghabarkan kepada Nabi Nuh bahwasanya tiada lagi orang yang akan beriman daripada kaumnya kecuali orang yang telah beriman sebelumnya. Maka Nabi Nuh mendoakan keburukan ke atas mereka dengan berkata, "Ya Tuhan, janganlah Engkau biarkan seorang pun di antara orang kafir itu tinggal di atas bumi." (Nuuh:26)

Sehubungan itu, Allah ﷺ telah memerintahkan Nabi Nuh membina kapal untuk menyelamatkan diri dan para pengikutnya daripada bencana yang akan menimpa. Sepanjang tempoh pembinaan kapal tersebut, Nabi Nuh A.S. ditertawa dan diperkecilkan oleh kaumnya.

Sedikit pun kaumnya tidak terkesan dan mempercayai kata-kata Nabi Nuh bahawa negeri itu akan ditimpa musibah daripada Allah ﷺ. Pelbagai cercaan dan hinaan telah dilemparkan ke atas Nuh.



## PEMBINAAN KAPAL NABI NUH A.S

Tafsir ayat 37 - 42 Surah Hud

### PERBINCANGAN AYAT: KAPAL NABI NUH

Namun baginda tetap sabar. Hal ini membuktikan bahawa Nabi Nuh A.S. tergolong dalam Ulu Al-'Azmi iaitu salah seorang nabi yang mempunyai kesabaran yang tinggi walaupun pelbagai tohmahan dilemparkan oleh ahli keluarga dan kaumnya ke atas dirinya.

Teknologi pembinaan kapal Nabi Nuh amatlah mengagumkan. Ini kerana kapal tersebut boleh memuatkan ribuan manusia bahkan mungkin ratusan ribu pasang haiwan yang kelak akan menjadi asal usul kepada haiwan pada masa kini.

Diriwayatkan bahawa Jibril A.S telah mengajar Nabi Nuh A.S membina kapal yang diperintahkan Allah. Kapal Nabi Nuh A.S dikatakan mencapai saiz antara 60 hingga 70 meter panjang dan lebarnya 25 hingga 30 meter. Pembinaan kapal ini bermula dengan menanam pokok al-Saj terlebih dahulu selama 20 tahun. Kemudian Nabi Nuh membina kapal menggunakan kayu pokok al-Saj itu selama 40 tahun. Namun ada riwayat yang mengatakan bahawa tempoh kapal Nabi Nuh dibina adalah selama 100 tahun dan ada mengatakan 40 tahun.

Kapal yang dibina Nabi Nuh terdiri daripada tiga tingkat dengan ketinggian 10 meter dan disokong kekuatannya dengan kayu dan paku besi. Ia mempunyai dinding dan daun pintu yang diperbuat daripada



## PEMBINAAN KAPAL NABI NUH A.S

Tafsir ayat 37 - 42 Surah Hud

### PERBINCANGAN AYAT: KAPAL NABI NUH

kayu. Manakala pada bahagian tengah kapal, menggunakan ruas kayu yang berbeza jenisnya. Ruas kayu tersebut disambung dengan teknologi tanggam yang disaluti dengan sejenis gam bernama tir' yang mampu menahan kemasukan air selama lebih 40 hari di atas permukaan air. Kapal ini dikatakan berbentuk bundar atau melingkar. Pada kapal tersebut mengandungi metal aluminium dan titanium yang dihasilkan oleh tangan manusia. Bingkai timah vertikal pada sisi-sisinya menunjukkan kecanggihan kerangka struktur kapal Nabi Nuh.

Nabi Nuh A.S. bersama pengikutnya telah belayar selama 40 hari. Kemudian, kapal tersebut telah berlabuh di Gunung Judi (Gunung Ararat) terletak di Turki. Perkara ini digambarkan berdasarkan firman Allah ﷺ dalam **Surah Hud ayat 44**:

وَقِيلَ يَا زَرْضُ أَبْلَعِي مَاءَكِ وَيَسْمَاءُ أَقْلَعِي وَغِيَضَ الْمَاءُ وَقُضِيَ الْأَمْرُ وَأَسْتَوْتُ عَلَى أَجْوَدِي ۝ وَقِيلَ بُعْدًا لِّلْقَوْمِ الظَّلِيمِينَ ۝ ۴۴

**Maksudnya:** Dan (setelah binasanya kaum kafir itu) diperintahkan kepada bumi dan langit dengan berkata: "Wahai bumi telanlah airmu, dan wahai langit berhentilah dari curahan hujanmu". Dan (ketika itu) surutlah air, serta terlaksanalah perintah (Allah) itu. Dan bahtera Nabi Nuh itupun berhenti di atas gunung "Judi" serta diingatkan (kepada kaum kafir umumnya bahawa): "Kebinasaanlah akhirnya bagi orang-orang yang zalim".



*Jom  
Tonton!*

Penemuan Bahtera Nabi Nuh 49  
A.S (Sumber: Youtube)



## PEMBINAAN KAPAL NABI NUH A.S

Tafsir ayat 37 - 42 Surah Hud

### PERBINCANGAN AYAT: KAPAL NABI NUH



Rajah: Binaan tingkat kapal Nabi Nuh A.S

Allah telah melaksanakan janji-Nya dengan membinasakan orang yang kafir kepada Nabi Nuh A.S. dan menyelamatkan orang yang beriman. Maka bermula kehidupan baru Nabi Nuh A.S. bersama golongan beriman yang terselamat dari bencana banjir tersebut.



## PEMBINAAN KAPAL NABI NUH A.S

Tafsir ayat 37 - 42 Surah Hud

### PENGAJARAN AYAT

1

Sabar adalah kunci dalam menjalankan dakwah terutamanya dalam menyampaikan syariat Allah.

2

Tidak ada perkara yang mustahil bagi Allah jika sesuatu perkara itu Dia kehendaki pasti akan berlaku.

3

Setiap perbuatan atau pekerjaan yang akan kita lakukan perlulah dimulai dengan bacaan basmalah dengan tujuan mendapat keredaan dan keberkatan dari Allah.

4

Sesungguhnya sikap keras kepala orang-orang kafir dan kebodohan mereka membuatkan mereka tetap menolak seruan agama walaupun didatangkan dengan dalil yang nyata.

5

Iman seseorang tidak boleh diwarisi dari seorang bapa kepada seorang anak namun ibubapa perlu berusaha untuk mendidik anak ke arah keimanan.

6

Doa adalah senjata utama orang muslim dalam menghadapi cabaran dan dugaan demi mengharapkan pertolongan dari Allah.

# PENGUKUHAN

## Bab 4



IMBAS  
UNTUK  
SEMAK

### A: Tandakan ( / ) bagi pernyataan yang betul dan ( X ) bagi jawapan yang salah.

1. Nabi Nuh a.s membawa bersamanya di dalam kapal pelbagai jenis pasangan haiwan secara berpasangan (jantan dan betina) serta anggota keluarga dan kaumnya yang beriman termasuk isteri dan anak beliau yang bernama Yaam dan Qan`an.
2. Tempoh Nabi Nuh a.s berdakwah kepada kaumnya adalah selama 950 tahun, namun pengikutnya yang beriman amatlah sedikit iaitu seramai 80 orang.
3. Nabi Nuh a.s diberi gelaran Rasul Ulu Al-'Azmi iaitu salah seorang nabi yang mempunyai kesabaran yang tinggi walaupun pelbagai tohmahan dilemparkan oleh ahli keluarga dan kaumnya ke atas dirinya.
4. Nabi Nuh A.S. bersama pengikutnya telah belayar selama 30 hari. Kemudian, kapal tersebut telah berlabuh di Gunung Judi (Gunung Ararat) terletak di Turki.



05

## KEJURUTERAAN KIMIA

Tafsir ayat 1-8 Surah al-Zalzalah

Hasil  
Pembelajaran

1. Pelajar dapat menjelaskan hubungan ilmu sains dan teknologi dalam kejuruteraan kimia dengan tafsiran ayat al-Quran dan sains.

PENULIS :  
Nihayatul Husna binti Hisham






## KEJURUTERAAN KIMIA

Tafsir ayat 1-8 Surah al-Zalzalah

### PENDAHULUAN

Surah az-Zalzalah adalah surah yang ke-99 mengikut susunan di dalam al Quran dan ia diturunkan setelah Surah an-Nisaa'. Surah ini mengandungi 8 ayat dan dikategorikan sebagai surah Madaniyah. Nama az-Zalzalah diambil daripada kata *Zilzaal* yang bererti 'goncangan' yang terdapat pada ayat pertama surah. Objektif surah ini ialah setiap pilihan yang dibuat di dunia ini akan memberi kesan walau sebesar zarah perbuatannya di akhirat nanti. Secara ringkasnya, isi kandungan surah menceritakan kejadian pada hari kiamat di mana bumi digoncangkan dan manusia bertanya-tanya mengenai kejadian saat itu. Allah ﷺ juga telah menjanjikan bahawa setiap kebaikan dan kejahatan walau sekecil apa pun akan mendapatkan perhitungan dan pembalasan.





## KEJURUTERAAN KIMIA

Tafsir ayat 1-8 Surah al-Zalzalah

### AYAT UTAMA

إِذَا زُلْزِلتِ الْأَرْضُ زُلْزَلَهَا ﴿١﴾ وَأَخْرَجَتِ الْأَرْضُ أَثْقَالَهَا ﴿٢﴾ وَقَالَ إِنْسَنٌ  
مَا هَاهُ ﴿٣﴾ يَوْمَئِذٍ تُحَدَّثُ أَخْبَارَهَا ﴿٤﴾ بِأَنَّ رَبَّكَ أَوْحَى لَهَا ﴿٥﴾ يَوْمَئِذٍ  
يَصُدُّرُ النَّاسُ أَشْتَاتًا لَّيْرُوا أَعْمَلَهُمْ ﴿٦﴾ فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ،  
وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ، ﴿٧﴾ ﴿٨﴾

**Maksud :** "Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat-dahsyatnya (1), Serta bumi itu mengeluarkan segala isinya (2), Dan berkatalah manusia(dengan perasaan gerun):"Apa yang sudah terjadi kepada bumi?" (3), Pada hari itu bumi pun menceritakan khabar beritanya (4). Kerana sesungguhnya Tuhanmu telah memerintahnya(berlaku demikian) (5). Pada hari itu manusia akan keluar berselerak (dari kubur masing-masing) untuk diperlihatkan kepada mereka (balasan) amal-amal mereka (6). Maka sesiapa berbuat kebajikan **seberat zarah**, nescaya akan dilihatnya(dalam surat amalnya) (7). Dan sesiapa berbuat kejahanan **seberat zarah**, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya) (8).

( Surah az-Zalzalah : 1- 8 )



## KEJURUTERAAN KIMIA

Tafsir ayat 1-8 Surah al-Zalzalah

### TAFSIR AYAT

Ayat ini menjelaskan apabila bumi digoncangkan dengan goncangannya yang sangat dahsyat, Allah ﷺ memerintahkan bumi untuk bergerak dan bergetar dari bahagian bawahnya hingga terjadinya gempa yang dahsyat yang belum pernah terjadi sebelumnya. Maka runtuh dan musnahlah semua bangunan-bangunan ciptaan manusia di atasnya. Begitu juga gunung-gunung dan bukit bukau menjadi rata dalam sekelip mata.

Ayat seterusnya menjelaskan keadaan selepas goncangan. Tiupan sangkakala kedua bumi mengeluarkan segala isi-isinya iaitu jasad-jasad orang yang telah meninggal dunia. Bumi mengeluarkan segala khazanah-khazanah yang ada dalam perut bumi. Sebagaimana Allah berfirman dalam Surah al-Inshiqaq : 3 - 4

وَإِذَا أَلْأَرَضُ مُدَّتْ ٣ ﴿٤﴾ وَأَلْقَتْ مَا فِيهَا وَتَخَلَّتْ

**Maksud :** “Dan apabila bumi ini diratakan (3), dan dilemparkan apa yang ada didalamnya dan menjadi kosong (4).”

(Surah al-Inshiqaq : 3 – 4)



## KEJURUTERAAN KIMIA

Tafsir ayat 1-8 Surah al-Zalzalah

### TAFSIR AYAT

Ayat ini menjelaskan manusia menjadi hairan pada masa itu tertanya tanya dan kebingungan mengapakah bumi menjadi sedemikian sedangkan sebelumnya bumi sifatnya tetap, bergerak pada paksinya dan tidak bergoyang, manusia dapat hidup dalam keadaan tenang didalamnya tetapi sekarang ini bumi bergoncang dan memuntahkan segala isi perutnya.

Ayat yang seterusnya bumi menghabarkan beritanya, berbicara tentang dan menghabarkan segala perbuatan yang dikerjakan oleh setiap manusia diatas muka bumi ini sama ada yang baik maupun yang buruk. Seperti yang dijelaskan di dalam hadis Nabi Muhammad ﷺ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَرَأَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَذِهِ الْآيَةَ : (يَوْمَئِذٍ تُحَدَّثُ أَخْبَارَهَا) ، قَالَ : "أَتَدْرُونَ مَا أَخْبَارُهَا ؟" ، قَالُوا : اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ ، قَالَ : "فَإِنَّ أَخْبَارَهَا أَنْ تَشَهَّدَ عَلَى كُلِّ عَبْدٍ وَأَمَةٍ بِمَا عَمِلَ عَلَى ظَهِيرَهَا، أَنْ تَقُولَ : عَمِلَ كَذَا وَكَذَا فِي يَوْمٍ كَذَا وَكَذَا، فَهَذِهِ أَخْبَارُهَا"

**Maksud :** “Dari Abi Hurairah r.a berkata baginda ﷺ membaca (Pada hari itu bumi menyampaikan beritanya), kemudian baginda bertanya; “Tahukah kalian apa beritanya? Lalu sahabat berkata “Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui”. Lalu baginda bersabda, “Sesungguhnya bumi menghabar beritanya iaitu bumi menjadi saksi setiap yang dilakukan dari lelaki dan perempuan dengan apa yang telah dilakukan. Bumi akan berbicara ‘Dia telah melakukan amal sekian sekian pada hari sekian sekian’, begitulah bumi menghabarkan beritanya”.

(Hadis Riwayat at-Tirmizi) 57



## KEJURUTERAAN KIMIA

Tafsir ayat 1-8 Surah al-Zalzalah

### TAFSIR AYAT

Berikutnya, Allah ﷺ menjelaskan bahawa apa yang berlaku pada bumi sebenarnya adalah kerana Allah ﷺ memerintahkan padanya. Oleh itu, bumi mendengar dan taat akan perintah Allah ﷺ dengan melaksanakan segala suruhan-Nya.

Seterusnya Allah ﷺ menerangkan keadaan manusia bangkit dan keluar dari kubur mereka dalam keadaan berkelompok dan terpisah. Terpancar riak wajah setiap manusia, ada yang wajahnya berseri-seri dan ada yang wajahnya hitam serta suram ketakutan. Kemudian mereka diperlihatkan setiap amalan yang mereka lakukan semasa di dunia sama ada kebaikan atau kejahatan.

Dua ayat terakhir surah ini menjelaskan barang siapa yang melakukan amalan kebaikan dan keburukan walau pun sebesar zarah nescaya dia akan melihat balasannya. Dua ayat ini adalah berbentuk uslub targhib (galakan) dan uslub tarhib (ancaman). Galakan yang dimaksudkan ialah supaya manusia banyak melakukan amalan soleh walaupun sekecil-kecil amalan. Mungkin pada pandangan manusia perkara itu tampak kecil tetapi disisi Allah ﷺ sangat besar darjatnya. Manakala ancaman pula mengingatkan manusia supaya takut untuk melakukan kejahatan walau sebesar zarah kerana dia pasti melihat balasannya.



Jom  
Tonton!



## KEJURUTERAAN KIMIA

Tafsir ayat 1-8 Surah al-Zalzalah

### PERBINCANGAN AYAT: KEJURUTERAAN KIMIA

Allah ﷺ telah menerangkan bahawa besarnya impak perkara baik dan buruk yang kita lakukan semasa dunia. Ia akan memberi kesan kepada kehidupan manusia dan alamnya walaupun sebesar zarah. Manusia percaya akan kewujudan molekul, atom dan ion yang abstrak walaupun tidak dapat dilihat, dirasa dan disentuh dan dirasai. Sifat zarah yang sangat halus dan kecil sehingga tidak boleh dilihat dengan mata kasar manusia. Apabila molekul membentuk atau bergabung menjadi sebatian bahan, barulah sifatnya boleh dilihat, disentuh dan dirasai. Konsep zarah ini adalah sama dengan konsep ketuhanan yang tidak dapat dilihat, didengari, dirasai dan disentuh. Namun masih ada manusia yang tidak percaya dengan kewujudan Allah ﷺ sebagai tuhan sekalian alam.

Apabila manusia mula mempercayai kewujudan zarah, maka muncul bidang-bidang pengajian asas kimia sehinggalah ia berkembang menjadi bidang Kejuruteraan Kimia bagi pembangunan dan perkembangan kehidupan manusia seterusnya.



# KEJURUTERAAN KIMIA

Tafsir ayat 1-8 Surah al-Zalzalah

## PERBINCANGAN AYAT: KEJURUTERAAN KIMIA

Periodic Table of the Elements																			
Atomic Number	Symbol	Name	Atomic Mass																
1	H	Hydrogen	1.008	2	He	Helium	4.003	3	Li	Lithium	6.941	4	Be	Boron	9.012	5	B	Boron	10.811
11	Na	Sodium	22.990	12	Mg	Magnesium	24.305	13	Al	Aluminum	26.982	14	C	Carbon	12.011	15	O	Oxygen	15.999
19	K	Potassium	39.098	20	Ca	Calcium	40.078	21	Sc	Scorpiun	44.956	22	Ti	Titanium	47.867	23	V	Vanadium	50.942
37	Rb	Rubidium	85.468	38	Sr	Samarium	87.62	39	Zr	Zirconium	91.224	40	Nb	Nobium	92.906	41	Cr	Chromium	51.998
55	Cs	Cesium	132.905	56	Ba	Boron	137.325	57-71								58	Mn	Manganese	54.938
87	Fr	Francium	223.020	88	Ra	Radium	226.025	89-103	Hf	Hafnium	178.49	104	Rf	Rutherfordium	[261]	105	Db	Dubnium	[262]
104				106	Sg	Seaborgium	[262]	107	Bh	Bhertium	[264]	108	Hs	Hassium	[269]	109	Mt	Methneum	[269]
105				109				110	Ds	Darmstadtium	[270]	111	Rg	Copernicum	[277]	112	Cn	Cniderium	[277]
113	Uut	Ununtrium	unknown	114	Fl	Flerovium	[289]	115	Up	Ununpentium	unknown	116	Lv	Livermorium	[298]	117	Uus	Ununseptium	unknown
118	Uuo	Ununoctium	unknown																
Lanthanide Series																			
57	La	Lanthanum	138.905	58	Ce	Cerium	140.116	59	Pr	Praseodymium	140.908	60	Nd	Neodymium	141.922	61	Pm	Promethium	141.913
89	Ac	Actinium	227.028	90	Th	Thorium	232.038	91	Pa	Protactinium	231.036	92	U	Uranium	238.029	93	Np	Neptunium	237.048
101	Md	Mendelevium	258.1	102	No	Nobelium	259.101	103	Lr	Lawrencium	[262]								
Actinide Series																			
Alkali Metal		Alkaline Earth		Transition Metal		Basic Metal		Semimetal		Nonmetal		Halogen		Noble Gas		Lanthanide			

Rajah: Jadual Berkala Kimia

## ZARAH DARI SUDUT SAINS

Perkataan zarah di dalam istilah ilmu kimia merujuk sama ada molekul, atom ataupun ion yang terlalu seni (kecil) yang tidak dapat dilihat dengan pandangan mata dan juga terhad untuk dilihat dengan peralatan saintifik yang canggih serta kompleks seperti *Transmission Electron Microscopy (TEM)* dan *Nuclear Magnetic Resonance (NMR)*.

Saiz satu zarah boleh bermula dengan skala pengukuran terkecil picometer iaitu ( $x10^{-10}$ m). Manusia mempercayai kewujudan akan molekul, atom dan ion yang abstrak(pada saiz picometer) walaupun ianya tidak dapat dilihat, disentuh, dan dirasa dengan pancaindera.



05

## KEJURUTERAAN KIMIA

Tafsir ayat 1-8 Surah al-Zalzalah

### PERBINCANGAN AYAT: KEJURUTERAAN KIMIA

ianya tidak dapat dilihat, disentuh, dan dirasa dengan pancaindera. Apabila molekul, atom dan ion membentuk atau bergabung menjadi sebatian bahan, barulah sifat-sifatnya dapat dilihat, disentuh dan dirasai. Contoh sifat-sifatnya seperti warna, bentuk, fasa, kebolehlarutan, kehakisan dan sebagainya.

Teori awal kewujudan atom telah dikesan oleh ahli falsafah Greek iaitu Democritus dan seterusnya telah dimodenkan lagi konsepnya dan teorinya oleh John Dalton yang popular tentang teori atom dalam bukunya yang berjudul “*New System Of Chemical Philosophy*” sekitar tahun 1803. Bermula zaman Yunani kuno hingga sekarang, model dan teori atom terus berkembang. Melalui model dan teori atom, kita dapat mengetahui struktur suatu atom.



Rajah: Molekul yang terdapat dalam gas, cecair dan pepejal.



05

## KEJURUTERAAN KIMIA


Tafsir ayat 1-8 Surah al-Zalzalah

### PERBINCANGAN AYAT: KEJURUTERAAN KIMIA

#### IMPLIKASI ZARAH DALAM KEJURUTERAAN KIMIA

Sifat zarah perlu difahami serta dihalusi dengan teliti agar tidak memberi kemudaratian serta permasalahan di dalam sesuatu proses kimia yang berskala atau bersaiz besar. Antara sifat-sifat zarah seperti kebolehlarutan, potensi kimia, corak taburan cas, daya-daya tarikan, daya-daya tolakan, saiz molekul, keelektronegatifan, keelektropositifan, kebolehan membentuk ikatan kimia seperti ikatan hidrogen pada skala mikroskopik antara yang akan mempengaruhi sifat proses kimia pada skala makroskopik seperti kebolehaliran, ketumpatan, termodinamik, perubahan fasa serta kebolehcampuran.

Pentingnya seseorang jurutera untuk memahami sifat dan kelakuan molekul. Contohnya, ketika pembentukan pepejal hidrat dalam proses pengeluaran gas hidrokarbon dari telaga simpanan gas dan minyak. Proses pembentukan pepejal hidrat adalah disebabkan oleh campuran gas hidrokarbon-air itu turut mempunyai gas lain seperti NOx dan SOx yang menyebabkan molekul-molekul NOx, H<sub>2</sub>S dan SOx lebih tertarik kepada molekul air bagi membentuk ikatan hydrogen yang kuat dan banyak.





## KEJURUTERAAN KIMIA

Tafsir ayat 1-8 Surah al-Zalzalah

### PERBINCANGAN AYAT: KEJURUTERAAN KIMIA

Apabila proses tersebut berlaku secara berterusan, makin lama kepekatan (bilangan molekul) campuran air, NOx dan SOx semakin bertambah dan titik ‘supersaturasi’ akan tercapai untuk memacu perubahan fasa gas kepada pepejal yang bersaiz nano. Pepejal bersaiz nanometer( $\times 10^{-9} \text{m}$ ) ini kemudiannya akan semakin membesar lalu membentuk kerak pada dinding pada aliran paip. Lama-kelamaan kerak ini akan menjadi lebih membesar seperti kebiasaan yang berlaku pada paip sinki di dapur kita yang akan menyebabkan aliran bendalir tersumbat. Seterusnya akan menyebabkan operasi pengeluaran tergendala serta menyebabkan kerugian kos beratus juta ringgit untuk tujuan penyelenggaraan.

Setiap masalah yang berlaku dapat diatasi jika kita tahu punca permasalahan. Para saintis dan jurutera daripada syarikat terkemuka

seperti Shell, BP dan Glaxo Smith Kline serta negara-negara maju dan membangun telah lama mengkaji dan memahami sifat asal zarah. Dengan ini mereka dapat memastikan produk yang dihasilkan sentiasa berkualiti.





## KEJURUTERAAN KIMIA

Tafsir ayat 1-8 Surah al-Zalzalah

### PENGAJARAN AYAT

1

Berbuat baik sesama manusia walau sekecil-kecil perkara kerana ada nilai dan ganjarannya disisi Allah ﷺ.

2

Hebatnya kuasa Allah ﷺ menciptakan makhlukNya yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar manusia dan sifatnya boleh berubah-ubah mengikut keadaan.

3

Ilmu tentang zarah di dalam al-Quran telah mencetuskan idea manusia untuk mengkaji dan memperluaskan ilmu dalam bidang sains kimia.

4

Seorang jurutera kimia haruslah sentiasa menambah nilai ilmu untuk memahami proses-proses bahan yang bermula dari peringkat molekul yang sejajar dengan saranan al-Quran kepada manusia.





## A: Bulatkan jawapan yang betul.

1. Surah az-Zalzalah berasal dari perkataan *Zilzaal*. Apakah maksud *Zilzaal*?
  - a) Belahan
  - b) Balasan
  - c) Goncangan
  - d) Tiupan sangkakala
  
2. Ayat “**galakan**” atau uslub \_\_\_\_\_ yang dimaksudkan dalam Surah az-Zalzalah ialah supaya manusia banyak melakukan amalan soleh walaupun sekecil-kecil amalan. Mungkin pada pandangan manusia perkara itu tampak kecil tetapi disisi Allah ﷺ sangat besar darjatnya.
  - a) Targhib
  - b) Tarhib
  - c) Tahrim
  - d) Tanbih

## B: Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Perkataan zarah di dalam istilah ilmu kimia merujuk sama ada (1)\_\_\_\_\_, (2)\_\_\_\_\_ ataupun (3)\_\_\_\_\_ yang terlalu seni (kecil) yang tidak dapat dilihat dengan pandangan (4)\_\_\_\_\_ dan juga terhad untuk dilihat dengan peralatan (5)\_\_\_\_\_ yang canggih serta kompleks seperti *Transmission Electron Microscopy* (TEM) dan *Nuclear Magnetic Resonance* (NMR).

C: Label keadaan molekul berikut sama ada pepejal, cecair atau gas.





06

## KEUTUHAN & KEKUATAN BESI

Tafsir ayat 25 Surah al-Hadid

*Hasil  
Pembelajaran*

1. Pelajar dapat mengetahui keutuhan dan kekuatan besi menurut tafsiran ayat al-Quran dari Surah al-Hadid.

PENULIS :  
Nihayatul Husna binti Hisham





06

## KEUTUHAN & KEKUATAN BESI

Tafsir ayat 25 Surah al-Hadid

### PENDAHULUAN

Surah al-Hadid adalah surah yang ke-57 dalam al-Quran. Surah ini tergolong dalam surah Madaniyah dan terdiri daripada 29 ayat. Ia diturunkan antara peristiwa selepas Perang Uhud dan sebelum Perjanjian Hudaibiyah. Ketika itu, kerajaan Islam Madinah memerlukan kewangan dan dana yang banyak untuk kembali kuat. Nama surah ini disebut pada ayat yang ke-25 sebagai gambaran besi juga diturunkan sebagaimana al-Quran seperti kedua-duanya saling melengkapi untuk menegakkan keadilan dan mempertahankannya daripada para pelampau batasan Allah ﷺ. Pada ayat ke-7, Allah ﷺ memotivasikan para sahabat untuk berinfaq sesuatu yang sangat berat untuk dilakukan oleh para munafiqun. Para sahabat percaya bahawa ganjaran infaq itu akan dinikmati semula selepas Hari Kebangkitan. Hanya dengan infaq, Madinah mampu menjana kekuatan seperti “besi” sebagai sebuah kerajaan yang digeruni dan dihormati.



06

## KEUTUHAN & KEKUATAN BESI

Tafsir ayat 25 Surah al-Hadid

### AYAT UTAMA

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ  
وَأَنْزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنَافِعٌ لِلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ وَرَسُولُهُ  
بِالْغَيْبِ إِنَّ اللَّهَ قَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٢٥﴾

**Maksudnya :** Sesungguhnya Kami telah mengutus rasul-rasul Kami dengan bukti-bukti yang nyata dan Kami turunkan bersama mereka kitab dan neraca (keadilan) agar manusia dapat berlaku adil. Kami menciptakan besi yang mempunyai kekuatan yang hebat dan banyak manfaat bagi manusia, agar Allah mengetahui siapa yang menolong (agama)Nya dan rasul-rasulNya walaupun Allah tidak dilihatNya. Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa (**25**)

( Surah al-Hadid: 25)

### TAFSIR AYAT

Besi amat sinonim penggunaannya sebagai alat utama ketika berperang dan berdamai. Besi di dunia moden adalah simbol daripada industri berat. Penggunaan besi sebagaimana yang disebutkan dalam ayat ini adalah simbol kekuatan yang hebat sebagai alat tempur selain memberi manfaat kepada manusia.



06

## KEUTUHAN & KEKUATAN BESI

Tafsir ayat 25 Surah al-Hadid

### TAFSIR AYAT

Allah ﷺ menjelaskan bahawa besi (al-Hadid) sebagai anugerah dan kurnia yang tidak terhingga nilai dan manfaatnya kepada manusia. Kita dapat saksikan dalam kehidupan seharian, besi banyak memberi manfaat dalam pelbagai bidang industri. Dengan kewujudan besi, manusia dapat mencipta pelbagai keperluan rumah tangga, infrastruktur dan fasiliti, bangunan pencakar langit, alat-alat pertanian, kenderaan di laut, darat, dan udara dan sebagainya. Manusia juga dapat membina kekuatan bangsa dan negara dengan membuat segala alat kelengkapan pertahanan dengan menggunakan besi.

Allah ﷺ menyatakan bahawa Dia menyaksikan keberadaan orang yang membela serta menolong agama dan rasul-rasul-Nya dengan penuh keikhlasan, kesungguhan dan niat yang baik dengan menggunakan besi sebagai pelengkap jihad dalam memerangi dan melawan para musuh Islam.



Jom  
Tonton!

Tafsir ayat 25 Surah al-Hadid  
(Sumber: Youtube)

70



06

## KEUTUHAN & KEKUATAN BESI

Tafsir ayat 25 Surah al-Hadid

### PERBINCANGAN AYAT: KEKUATAN BESI

Besi adalah simbol kekuatan sama ada pada sifat asalnya mahupun dari segi fizikalnya. Hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar dari Umar al-Khattab R.A bahawasanya Rasulullah ﷺ bersabda yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah ﷺ menurunkan empat keberkatan daripada langit ke bumi iaitu besi, api, air dan garam”.



**Rajah: Besi banyak memberi manfaat dalam bidang pembinaan bangunan.**

Daripada hadis di atas dapat difahami bahawa pada besi terdapat banyak manfaatnya terhadap manusia dalam pelbagai aspek kehidupan yang memenuhi keperluan tempat tinggal, struktur bangunan, alat-alat pertanian dan persenjataan, pengangkutan dan pelbagai industri.



*Jom*  
**Tonton!**

**Rahsia Besi dalam al-Quran**  
Sumber: TV3 Official Youtube



06

# KEUTUHAN & KEKUATAN BESI

Tafsir ayat 25 Surah al-Hadid

## PERBINCANGAN AYAT: KEKUATAN BESI

### BESI DARI SUDUT SAINS

Besi adalah unsur ke-6 paling banyak terdapat dalam alam semesta. Dalam jadual berkala, besi mempunyai simbol Fe dan nombor atom 26, berkedudukan di kumpulan 8 dan kala(periode) 4 logam. Besi merupakan logam yang berasal dari bijih besi yang banyak digunakan dalam kehidupan manusia. Hal ini kerana banyaknya besi di muka bumi, pembentukan semula besi lebih mudah dan murah, serta besi mempunyai sifat-sifat yang menguntungkan dan mudah dimodifikasi. Meskipun demikian, besi juga mempunyai kelemahan, iaitu mudah berkarat.

Kalaan		Kumpulan I										VIII																	
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18												
Logam alkali 2																													
1 H Hydrogen	2 Be Beryllium	3 Li Lithium	4 Be Beryllium	5 Ti Titanium	6 V Vanadium	7 Cr Chromium	8 Mn Manganese	9 Fe Iron	10 Co Cobalt	11 Ni Nickel	12 Cu Copper	13 Zn Zinc	14 Al Aluminium	15 P Phosphorus	16 S Sulfur	17 Cl Chlorine	18 Ar Argon												
3 Na Sodium	4 Mg Magnesium	5 Ca Calcium	6 Sc Scandium	7 Ti Titanium	8 V Vanadium	9 Cr Chromium	10 Mn Manganese	11 Fe Iron	12 Co Cobalt	13 Ni Nickel	14 Cu Copper	15 Zn Zinc	16 Al Aluminium	17 P Phosphorus	18 S Sulfur	19 F Fluorine	20 Ne Neon												
4 K Potassium	5 Ca Calcium	6 Sc Scandium	7 Ti Titanium	8 V Vanadium	9 Cr Chromium	10 Mn Manganese	11 Fe Iron	12 Co Cobalt	13 Ni Nickel	14 Cu Copper	15 Zn Zinc	16 Al Aluminium	17 P Phosphorus	18 S Sulfur	19 F Fluorine	20 Ne Neon	21 He Helium												
5 Rb Rubidium	6 Sr Strontium	7 Y Yttrium	8 Zr Zirconium	9 Nb Niobium	10 Zr Zirconium	11 Nb Niobium	12 Mo Molybdenum	13 Tc Technetium	14 Ru Ruthenium	15 Rh Rhodium	16 Pd Palladium	17 Ag Silver	18 Cd Cadmium	19 In Indium	20 Sn Tin	21 Ge Germanium	22 As Arsenic	23 Se Selenium	24 Br Bromine	25 Kr Krypton	26 Xe Xenon								
6 Cs Cesium	7 Ba Barium	8 La Lanthanum	9 Hf Hafnium	10 Ta Tantalum	11 W Tungsten	12 Re Ruthenium	13 Os Osmium	14 Ir Iridium	15 Pt Platinum	16 Au Gold	17 Hg Mercury	18 Tl Thallium	19 Pb Lead	20 Bi Bismuth	21 Po Polonium	22 At Astatine	23 Rn Radon	24 Lu Lutetium	25 Lu Lutetium	26 Lu Lutetium	27 Lu Lutetium	28 Lu Lutetium							
7 Fr Francium	8 Ra Radium	9 Ac Actinium	10 Rf Rutherfordium	11 Db Dubnium	12 Sg Seaborgium	13 Bh Bohrium	14 Hs Hassium	15 Mt Meitnerium	16 Ds Darmstadtium	17 Rg Roentgenium	18 Uut Ununtrium	19 Uup Ununpentium	20 Uuh Ununhexium	21 Uus Ununseptium	22 Uuo Ununoctium	23 Th Thorium	24 Pa Protactinium	25 U Uranium	26 Np Neptunium	27 Pu Plutonium	28 Am Americium	29 Cm Curium	30 Bk Berkelium	31 Cf Californium	32 Es Einsteinium	33 Fm Fermium	34 Md Mendelevium	35 No Nobelium	36 Lr Lawrencium
Siri Lanthanida		Logam peralihan										Logam					Separa Logam		Bukan Logam										

Gambar : Jadual berkala unsur



06

## KEUTUHAN & KEKUATAN BESI

Tafsir ayat 25 Surah al-Hadid

### PERBINCANGAN AYAT: KEKUATAN BESI

Besi juga dipercayai adalah unsur kimia yang ke-10 paling banyak di alam sejagat. Dalam pembentukan bumi, besi merupakan unsur majoriti (menurut jisim, 34.6%). Terdapat kemungkinan bahawa teras dalam bumi mengandungi hablur besi tunggal walaupun ia berkemungkinan sebatian besi dan nikel. Jumlah besar besi dalam bumi dikatakan menyumbang kepada medan magnet bumi.

Michael J. Denton (2002) menyatakan bahawa tidak ada logam yang lebih penting daripada besi. Tanpa besi tidak akan ada hidupan berdasarkan karbon. Tidak akan ada atmosfera dan hidrosfera. Tidak akan ada kuasa magnetik yang menangkis serangan radiasi dari angkasa ke bumi. Tidak akan ada hemoglobin pembawa oksigen darah manusia”.



Warna merah pada air disebabkan oleh kehadiran bijih besi dalam batu  
( Sumber : Wikipedia)



06

## KEUTUHAN & KEKUATAN BESI

Tafsir ayat 25 Surah al-Hadid


### PERBINCANGAN AYAT: KEKUATAN BESI

#### ASAL-USUL BESI

Penggunaan kalimah ﴿وَأَنْزَلْنَا﴾ الْحَدِيدَ di dalam surah al-Hadid menunjukkan berlakunya proses penurunan besi. Imam Qurtubi di dalam *Kitab al-Jamik li Ahkam al-Quran* menukilkan pandangan sebahagian ulama yang mengatakan besi diturunkan dari langit. Ini bermaksud besi pada awalnya tidak berasal dari bumi dan Allah menurunkannya dari langit iaitu dari angkasa raya turun ke bumi.

Berdasarkan kajian, telah membuktikan bahawa besi yang wujud di dunia datang daripada bintang-bintang gergasi di angkasa raya. Suhu yang diperlukan bagi menghasilkan besi adalah mencecah ratusan juta darjah selcius. Bagaimanapun, suhu tertinggi di bumi masih terlalu rendah untuk menghasilkan besi, iaitu lebih kurang daripada 7,000 darjah selcius sedangkan suhu tertinggi di matahari boleh mencecah lebih kurang 20 juta darjah selcius.

Oleh sebab itu, besi hanya dapat oleh bintang yang lebih besar daripada suhunya mampu mencecah ratusan berbanding matahari. Apabila besi di jumlah tertentu, ia akan meledak besar yang dikenali sebagai supernova.



74



06

## KEUTUHAN & KEKUATAN BESI

Tafsir ayat 25 Surah al-Hadid

### PERBINCANGAN AYAT: KEKUATAN BESI

Ledakan ini menghasilkan meteor yang mengandungi besi dan menjadi bertaburan di angkasa raya. Lebih kurang 4.5 billion tahun dahulu meteor ini telah berlanggar dengan bumi dan dengan itu turunlah besi ke bumi.

Selain itu, Pengurus Jawatankuasa Mukjizat Saintifik di dalam al-Quran dan al-Sunnah(Mesir), Professor Dr. Zaghloul an-Najjar merumuskan bahawa kefahaman bahawa besi di dalam bumi di turunkan dari langit(angkasa raya) baru difahami beberapa dekad yang lalu. Namun al-Quran telah menyatakan tentangnya lebih daripada 1,400 tahun yang lalu. Ia jelas menunjukkan Nabi Muhammad SAW menerima wahu daripada Allah dan al-Quran sememangnya mukjizat.

KAJIAN  
SAINTIFIK  
BESI

Dilakukan oleh NASA (National Aeronautics and Space Administration, America) dan telah dilaporkan dalam Los Angeles Times bertarikh 17 Disember 1987, di bawah tajuk *Supernova Explosion Tied to Origin of Heavy Metals*.



06

## KEUTUHAN & KEKUATAN BESI

Tafsir ayat 25 Surah al-Hadid

### PERBINCANGAN AYAT

1

Surah ini menyeru manusia supaya seimbangkan antara keperluan material dan spiritual.

2

Hebatnya kuasa Allah ﷺ menciptakan makhlukNya yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar manusia dan sifatnya boleh berubah-ubah mengikut keadaan.

3

Umat Islam akan mendapat kelebihan dan ganjaran bagi mereka yang menginfaq harta dan membantu agama dari sudut material.

4

Setiap apa yang Allah ﷺ ciptakan di dunia pasti tidak akan sia-sia tanpa ada kegunaan dan perkara untuk dimanfaatkan.

5

Al-Quran diibaratkan sebagai besi, yang boleh dimanfaatkan untuk mempertahankan agama daripada musuh, dan boleh juga dimanfaatkan untuk mengembangkan agama ke seluruh alam.

# PENGUKUHAN

## Bab 6



IMBAS  
UNTUK  
SEMAK

### A: Bulatkan jawapan yang betul.

1. Surah al-Hadid diturunkan antara peristiwa selepas \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.
  - a) Perang Badar , Perjanjian Aqabah
  - b) Perang Uhud , Perjanjian Hudaibiyah
  - c) Perang Badar, Perjanjian Hudaibiyah
  - d) Perang Uhud , Perjanjian Aqabah
  
2. Berdasarkan kajian, telah membuktikan bahawa besi yang wujud di dunia datang daripada bintang-bintang gergasi di angkasa raya.
  - a) Benar
  - b) Salah

### B: Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

bintang	supernova	matahari	meteor
---------	-----------	----------	--------

Besi hanya dapat dihasilkan oleh (1)\_\_\_\_\_ yang lebih besar daripada (2)\_\_\_\_\_ yang suhunya mampu mencecah ratusan juta darjah selsius berbanding matahari. Apabila besi di dalam bintang melebihi jumlah tertentu, ia akan meledak dengan satu letupan besar yang dikenali sebagai (3)\_\_\_\_\_. Ledakan ini menghasilkan (4)\_\_\_\_\_ yang mengandungi besi dan menjadi bertaburan di angkasa raya.

**C: Lengkapkan hadis yang diriwayatkan oleh Umar al-Khattab r.a berikut:**

Rasulullah SAW bersabda "Sesungguhnya Allah ﷺ menurunkan empat keberkatan daripada langit ke bumi iaitu (1)\_\_\_\_\_ , (2)\_\_\_\_\_ , (3)\_\_\_\_\_ dan (4)\_\_\_\_\_".

**D. Apakah manfaat besi yang digunakan dalam kehidupan kita?**

- a) \_\_\_\_\_
- b) \_\_\_\_\_
- c) \_\_\_\_\_

## Hasil Pembelajaran

1. Pelajar dapat menjelaskan keajaiban cap jari tangan manusia sebagai alamat pengenalan diri menurut ayat tafsiran al-Quran

PENULIS :  
Azlina binti Muhammad



07

## CAP JARI MANUSIA SEBAGAI IDENTITI DIRI

Tafsir ayat 3-4 Surah al-Qiyaamah

### PENDAHULUAN

Surah al-Qiyamah adalah surah yang ke-75 mengikut susunan di dalam al-Quran al-Karim. Surah ini dikategorikan sebagai surah Makiyyah yang mengandungi 40 ayat. Ia diturunkan di Makkah dan diwahyukan kepada Nabi Muhammad ﷺ sebelum penghijrahan baginda ke kota Madinah al-Munawwarah. Surah ini dinamakan al-Qiyamah kerana ianya dimulai dengan sumpah Allah ﷺ tentang hari kiamat yang dikhabarkan sebagai hari yang amat dahsyat. Surah ini juga menyatakan tentang kepastian hari kiamat serta menolak hujah golongan yang memungkirnya.

### AYAT UTAMA

بَلِّيْ قُدِّرِينَ عَلَىَّ أَن نُسَوِّيَ بَنَاهُ، ٤) بَلْ يُرِيدُ الْإِنْسُنُ لِيَفْجُرَ أَمَامَهُ، ٣)

**Maksud:** Apakah manusia mengira, bahawa Kami tidak akan mengumpulkan (kembali) tulang-belulangnya? (3) (Bahkan) Kami mampu menyusun (kembali) jari jemarinya dengan sempurna. (4)

( Surah al-Qiyamah 3-4)



07

## CAP JARI MANUSIA SEBAGAI IDENTITI DIRI

### Tafsir ayat 3-4 Surah al-Qiyaamah

#### TAFSIR AYAT

Terdapat segelintir manusia yang tidak mahu menerima adanya Hari Kiamat. Mereka tidak percaya bahawa Allah ﷺ boleh mengembalikan tulang-tulang yang hancur itu bercantum semula. Mereka menggunakan akal untuk berhujah dan menolak wahyu Allah ﷺ. Inilah sebabnya Musyrikin Mekah tidak boleh menerima konsep kebangkitan semula serta menolak adanya hari kiamat.

Allah ﷺ memberitahu bahawa Dia mampu mencantumkan semula tulang-tulang itu dalam apa jua keadaan sama ada mati kerana ditelan buaya, hancur di lautan, dibakar menjadi abu atau hancur kerana kemalangan, semua itu sangat mudah bagi Allah ﷺ untuk menyatukan semula kerana Dia Maha Berkuasa atas sesuatu. Malahan sesuatu yang lebih sukar daripada itu pun Allah ﷺ boleh melakukannya.

Ayat ini juga menjelaskan bahawa tulang-tulang yang reput dan hancur itu bukan sahaja akan dikumpulkan dan dicantumkan kembali malah segala jari-jemarinya akan disusun semula seperti asalnya. Proses penyusunan semula jari-jari itu merupakan proses pembentukan semula seseorang manusia dengan sehalus-halus dan serapi-rapinya. Penyusunan semula itu dilakukan dengan sempurna. Tiada satu ruas jari, anggota dan bentuk rupanya pun akan kehilangan atau dipasang di tempat yang salah. Segalanya akan diciptakan kembali dengan sempurna walaupun sekecil mana anggota itu.



## CAP JARI MANUSIA SEBAGAI IDENTITI DIRI

Tafsir ayat 3-4 Surah al-Qiyaamah

### TAFSIR AYAT

Selain itu, ayat ini menyebut secara khusus ظن (jari-jemari) kerana ia penyempurna jari-jemari. Kesempurnaan penciptaan bahagian ini melambangkan kesempurnaan ciptaan Allah ke atas seluruh anggota manusia.



Jom  
Tonton!

Rahsia Cap Jari dalam al-Quran  
(Sumber: Youtube)



## CAP JARI MANUSIA SEBAGAI IDENTITI DIRI

Tafsir ayat 3-4 Surah al-Qiyaamah

### PERBINCANGAN AYAT : CAP JARI MANUSIA

Allah ﷺ menyatakan dalam Al-Quran bahawa amat mudah bagi-Nya untuk membangkitkan manusia selepas kematian. Penciptaan cap jari oleh Allah ﷺ seperti mana yang dinyatakan dalam surah Al-Qiyamah ayat ketiga dan keempat telah membantu manusia untuk mengetahui identiti dirinya dan manusia lain. Ia merupakan suatu yang amat menakjubkan dan membenarkan bahawa al-Quran itu diturunkan oleh Allah ﷺ dan bukan daripada manusia.

Allah ﷺ menciptakan cap jari manusia berbeza antara satu sama lain. Contohnya, pasangan kembar walau pun berkongsi maklumat DNA yang sama mereka juga akan memiliki set cap jari yang berbeza. Cap jari manusia yang terbentuk sebelum proses kelahiran dan selepas kelahiran tidak akan berubah sehingga akhir hayat seseorang kecuali dia memiliki parut pada mana-mana bahagian cap jarinya.



Setiap jari manusia mempunyai cap jari yang berbeza



07

# CAP JARI MANUSIA SEBAGAI IDENTITI DIRI

Tafsir ayat 3-4 Surah al-Qiyaamah

## PERBINCANGAN AYAT : CAP JARI MANUSIA

### DEFINISI CAP JARI DARI SUDUT SAINS

Cap jari dari sudut sains ialah perbezaan kontur jaluran kasar (*friction ridge*) di antara jalur yang timbul dengan lurahnya. Jalur yang timbul ini ialah susunan barisan liang-liang peluh yang bercabang, melintas atau terputus yang membentuk ciri unik yang tersendiri.

Jalur-jalur ini asalnya adalah pulau-pulau (titik) yang mempunyai liang-liang peluh yang tersusun dalam satu barisan. Pulau-pulau ini pula lama kelamaan bercantum membentuk garisan dan jalur cap jari. Proses ini berlaku ketika janin berumur 4 bulan di dalam rahim ibu dan lengkap sepenuhnya pada bulan ke-6. Manakala fungsi kulit cap jari ialah untuk melindungi bahagian dalam badan, mencengkam dari kegelinciran dan yang paling penting ialah sebagai pengesahan identiti (*signature*) seumur hidup.

Ketidaksamaan jalur-jalur cap jari adalah kerana berbezanya sesuatu *gland* (kelenjar), urat deria saraf dan urat darah yang mempengaruhi susunan liang peluh. Oleh sebab itu, tiada dua cap jari yang mempunyai susunan liang peluh yang serupa. Selain itu, sifat-sifat jalur tersebut jugalah yang akan digunakan semasa membuat perbandingan cap jari antara satu individu dengan individu yang lain. Perkara yang membezakan cap jari setiap individu adalah jenis utama, jenis jalur, kedudukan sifat jalur dan bilangan turutan jalur.




07

## CAP JARI MANUSIA SEBAGAI IDENTITI DIRI

Tafsir ayat 3-4 Surah al-Qiyaamah

### PERBINCANGAN AYAT : CAP JARI MANUSIA

Ciri cap jari telah ditemui pada akhir kurun ke-19. Sebelum itu, manusia menganggap cap jari adalah struktur garis melengkung yang biasa tanpa sebarang kepentingan atau maksud yang spesifik.



#### LOOP

Jalur bermula dari satu arah dan berpatah balik ke arah asal. Mempunyai satu delta, satu core dan sekurang-kurangnya satu jalur.

#### WHORL

Kebanyakan core berbentuk atau membentuk bulatan. Ia mempunyai 2 atau lebih delta.

#### ARCH

Berbentuk seperti bukit. Jalur selari dan tidak berpatah balik.

Rajah : Corak Asas Cap Jari ( Sumber Fakta: Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia)



07

## CAP JARI MANUSIA SEBAGAI IDENTITI DIRI

Tafsir ayat 3-4 Surah al-Qiyaamah

### PERBINCANGAN AYAT : CAP JARI MANUSIA

#### HUKUM PENGGUNAAN CAP JARI BAGI TUJUAN PENSABITAN MENURUT PERSPEKTIF FIQH ISLAM

Menurut pendapat As-Syeikh Tantawi Jauhari, seorang ulama Azhar, Mesir, beliau menegaskan bahawa jika hakim di akhirat iaitu Allah dapat menerima persaksian seorang hamba, mengapa pula hakim di dunia tidak boleh menerimanya. Ini adalah berdasarkan firman Allah dalam surah Yaasin :

﴿ وَلَوْ نَشَاءُ لَطَمَسْنَا عَلَىٰ أَعْيُنِهِمْ فَإِسْتَبَقُوا الصِّرَاطَ فَأَنِّيٌّ يُبَصِّرُونَ ﴾ ٦٦

**Maksudnya:** Pada hari ini Kami tutup mulut mereka; dan berkatalah kepada Kami tangan mereka dan memberi kesaksianlah kaki mereka terhadap apa yang dahulu mereka usahakan. (

(Surah Yassin: 66 )

Justeru, As-Syeikh Tantawi menerima cap jari sebagai salah satu kaedah pensabitan kes walau pun ia melibatkan kes jenayah berat seperti bunuh. Pandangan ini turut dipersetujui oleh As-Syeikh ‘Atiyyah Muhammad Salim yang menyatakan bahawa cap jari merupakan qarinah yang kuat kerana tidak akan terdapat persamaan antara dua individu yang berlainan.



## CAP JARI MANUSIA SEBAGAI IDENTITI DIRI

Tafsir ayat 3-4 Surah al-Qiyaamah

### PENGAJARAN AYAT

1

Surah ini menyeru manusia agar meyakini bahawa kiamat pasti akan berlaku.

2

Maha Suci Allah yang berkuasa untuk menghidupkan kembali manusia dengan lengkap seperti ketika manusia itu hidup di dunia

3

Ayat ini membuktikan bahawa hujung jari setiap manusia mempunyai tanda pengenalan diri dan ia tidak akan sama antara satu sama lain.

4

Melihat tentang penciptaan cap jari yang berbeza ini membawa keinsafan serta mengakui kehebatan dan keagungan Allah ﷺ

5

Penciptaan cap jari ini mampu membantu dalam merungkai permasalahan mengenali identiti manusia.

# PENGUKUHAN

## Bab 7



IMBAS  
UNTUK  
SEMAK

### A: Bulatkan jawapan yang betul.

1. Mengapakah surah yang ke-75 dalam al-Quran dinamakan Surah al-Qiyamah?
  - a) Dimulai dengan sumpah Allah tentang hari kiamat
  - b) Dimulai dengan balasan pada hari kiamat
  - c) Menceritakan tentang berlakunya hari kiamat
2. Berdasarkan pernyataan di atas, bilakah pembentukan proses cap jari janin dalam kandungan akan lengkap sepenuhnya?
  - a) 5 bulan
  - b) 6 bulan
  - c) 7 bulan
3. Allah menciptakan cap jari manusia berbeza antara satu sama lain walaupun berkongsi maklumat DNA yang sama mereka juga akan memiliki set cap jari yang berbeza.
  - a) Benar
  - b) Salah
4. Cap jari **tidak** boleh digunakan sebagai satu kaedah pensabitan kes walau pun ia melibatkan kes jenayah berat seperti bunuh dan juga sebagai qarinah yang kuat untuk menerima persaksian atau menjatuhkan hukuman.
  - a) Benar
  - b) Salah



08

## KULIT SEBAGAI ORGAN DERIA

Tafsir ayat 56 Surah An-Nisaa'

Hasil  
Pembelajaran

1. Pelajar dapat menjelaskan fungsi kulit sebagai salah satu organ deria manusia menurut tafsiran ayat al-Quran.

PENULIS :  
Azlina binti Muhammad



## KULIT SEBAGAI ORGAN DERIA

Tafsir ayat 56 Surah An-Nisaa'

### PENDAHULUAN

Surah an-Nisaa' adalah surah yang ke-4 mengikut susunan di dalam al-Quran al-Karim. Surah ini dikategorikan sebagai surah Madaniyyah yang mengandungi 176 ayat dan diturunkan di Madinah kepada Nabi Muhammad ﷺ selepas penghijrahannya ke kota Madinah al-Munawwarah. Surah ini dinamakan an-Nisaa' kerana dalam surah ini banyak membicarakan hal-hal berhubung wanita. Selain itu, surah ini juga membicarakan hal kehidupan bermasyarakat dan perkara asas hidup masyarakat Islam yang perlu dijaga. Diselitkan juga dalam surah ini tentang persoalan tauhid serta balasan orang beriman dan kufur kepada Allah ﷺ.

### AYAT UTAMA

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِأَيْتَنَا سَوْفَ نُصْلِيهِمْ نَارًا كُلَّمَا نَضِجَتْ جُلُودُهُمْ بَدَلْنُهُمْ جُلُودًا  
غَيْرُهَا لِيُذْوَقُوا الْعَذَابَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿٥٦﴾

**Maksud:** Sesungguhnya orang yang kafir kepada ayat-ayat Kami, kelak akan Kami masukkan mereka ke dalam neraka. Setiap kali kulit mereka hangus, Kami ganti dengan kulit yang lain, agar mereka merasakan azab. Sungguh, Allah Maha Perkasa, Maha Bijaksana. **(56)**

(Surah an-Nisaa': 56)



08

## KULIT SEBAGAI ORGAN DERIA

Tafsir ayat 56 Surah An-Nisaa'

### TAFSIR AYAT

Ayat 56 surah an-Nisaa' menerangkan tentang balasan yang akan diterima oleh orang kafir yang berpaling daripada kebenaran. Allah ﷺ menegaskan bahawa sesiapa yang mengingkari ayat-ayat yang diturunkan oleh-Nya akan diseksa di dalam neraka selama-lamanya.

Bentuk seksaan yang Allah ﷺ jelaskan dalam ayat ini ialah dengan membakar kulit penghuni neraka sehingga hangus dan apabila kulit itu tidak dapat merasakan kesakitan lagi, Allah ﷺ akan menggantikan kulit mereka dengan yang baharu, kemudian Allah ﷺ akan membakarnya sekali lagi. Seksaan ini akan berulang-ulang dan berterusan agar mereka dapat merasai azab kerana mengingkari Allah.

Berhubung azab penghuni neraka, terdapat dua pandangan tentang seksaan tersebut:

1

#### IMAM MUQATIL

Kulit penghuni neraka akan dimakan api neraka sebanyak 7 kali setiap hari.

2

#### HASSAN AL-BASRI

Kulit penghuni neraka akan dimakan api neraka sebanyak 70 atau 70 ribu kali setiap hari.

Apabila kulit-kulit mereka telah terbakar, maka mereka akan digantikan dengan kulit lainnya yang putih seperti kertas.



Riwayat AL-A'MASY daripada IBNUUMAR



## KULIT SEBAGAI ORGAN DERIA

Tafsir ayat 56 Surah An-Nisaa'

### TAFSIR AYAT

Ayat ini diakhiri dengan satu penegasan bahawa Allah ﷺ Maha Berkusa untuk melakukan sesuatu azab dan tidak ada sesuatu makhluk pun yang dapat menghalangi kekuasaan Allah ﷺ. Allah juga Maha Bijaksana dalam mengurus hamba-hamba-Nya seperti mengembalikan mereka ke tempat terakhir dengan tepat.



Jom  
Tonton!

Tafsir ayat 56 Surah An-Nisaa' (Sumber: Youtube)



08

## KULIT SEBAGAI ORGAN DERIA

Tafsir ayat 56 Surah An-Nisaa'

### PERBINCANGAN AYAT : KULIT SEBAGAI ORGAN DERIA

Allah ﷺ telah menjelaskan bahawa setiap perbuatan yang kita lakukan sama ada baik atau buruk akan mendapat balasan. Bagi orang yang kufur dan ingkar dengan ayat-ayat Allah, mereka akan dibakar dalam api neraka. Setiap kali kulit mereka hangus, Allah ﷺ akan gantikan kulit mereka dengan yang lain supaya mereka dapat merasa azab tersebut.

Ini menunjukkan bahawa Allah ﷺ Maha Berkuasa dan tidak ada yang mustahil bagi Allah ﷺ untuk melaksanakan segala janji-Nya. Penukaran kulit ini tidak seperti di dunia yang memerlukan masa yang lama untuk tumbuh kulit yang baharu. Sesungguhnya Allah ﷺ mampu menukarnya dengan sekelip mata. Tujuan kulit mereka diganti dengan kulit baharu adalah untuk mereka merasakan azab secara berterusan.

Kajian sains zaman moden telah mendapati bahawa kulit merupakan organ yang melindungi otot dan organ-organ manusia lain yang mempunyai reseptor sakit. Namun begitu, al-Quran terlebih dahulu telah memberi isyarat tentangnya sejak seribu tahun yang lalu dan ia menjadi bukti bahawa al-Quran merupakan sumber ilmu sains yang tepat.



08

## KULIT SEBAGAI ORGAN DERIA

Tafsir ayat 56 Surah An-Nisaa'

### PERBINCANGAN AYAT : KULIT SEBAGAI ORGAN DERIA

#### STRUKTUR KULIT

Kulit adalah organ terbesar bagi tubuh manusia yang terdiri daripada unsur air, protein, lemak dan mineral. Berat kulit seorang manusia adalah bergantung kepada saiz tubuh badannya dengan anggaran sebanyak 16% daripada berat tubuh badannya.

Kulit dibahagi kepada tiga lapisan iaitu:

1

#### EPIDERMIS

- ❖ Lapisan paling luar kulit dan tidak mempunyai pembuluh darah
- ❖ Fungsi: melindungi tubuh daripada dunia luar, mengekalkan kelembapan kulit, menghasilkan sel-sel kulit baru, dan memberikan warna pada kulit.

2

#### DERMIS

- ❖ Lapisan tengah kulit.
- ❖ Terdiri daripada tisu penghubung, kapilari, hujung saraf dan folikel rambut.
- ❖ Ketebalan dermis berbeza mengikut kawasan tubuh badan.
- ❖ Mengandungi kelenjar sebum dan kelenjar apokrin yang menghasilkan peluh.
- ❖ Fungsi: menyokong dan menguatkan kulit, mengawal suhu kulit, menyuburkan dan melembapkan epidermis dan membantu dengan sensasi.



## KULIT SEBAGAI ORGAN DERIA


Tafsir ayat 56 Surah An-Nisaa'

### PERBINCANGAN AYAT : KULIT SEBAGAI ORGAN DERIA

3

#### HIPODERMIS.

- ❖ Lapisan paling dalam kulit.
- ❖ Terdiri daripada lemak, tisu penghubung, saraf dan saluran darah yang lebih besar.
- ❖ Fungsi: mengawal suhu badan, melindungi badan daripada impak luar dan menghubungkan kulit dengan otot, tulang dan organ lain.



Rajah: Tiga Lapisan Kulit



± 0.6 ml

± 3 ml

Rajah: Ketebalan dermis pada mata, tapak tangan dan tapak kaki.



08

## KULIT SEBAGAI ORGAN DERIA

Tafsir ayat 56 Surah An-Nisaa'

### PERBINCANGAN AYAT : KULIT SEBAGAI ORGAN DERIA

#### KULIT SEBAGAI ORGAN DERIA.

Kulit merupakan organ homeostasis dan ia adalah organ paling sensitif kepada tubuh. Kulit memainkan peranan yang penting dalam memelihara kesihatan dan kehidupan manusia. Ini kerana ia sentiasa berinteraksi dengan otak yang menerima rangsangan dari dalam dan luar tubuh badan. Kulit juga berperanan mengimbangi suhu badan dan mengawal peluh. Berbanding organ deria hidung, mata dan lidah, kulit banyak menyimpan memori di dalam pigmen dermis dan epidermis.

Bagi golongan buta pula, kulit merupakan organ deria sentuhan yang sangat berperanan membantu mereka dalam melaksanakan urusan sehari-hari. Mata hatinya lebih peka dan sentiasa berinteraksi dengan kulit. Mereka mempunyai sensor kepekaan kulit paling nipis pada hujung jari-jemari untuk membaca braille. Hasil sentuhan pada deria kulit pada hujung jari ditukar menjadi bunyi pada telinga. Namun terdapat juga segelintir golongan buta yang menjadikan sentuhan kulit sahaja untuk menterjemahkan sesuatu keadaan.

Merujuk kepada **pengekalan keadaan persekitaran dalam badan** sesuatu organisme, seperti aras suhu, air, pH, tekanan darah dan sebagainya supaya berada dalam keadaan yang seimbang dan stabil

HOMEOSTASIS

96



## KULIT SEBAGAI ORGAN DERIA

Tafsir ayat 56 Surah An-Nisaa'

### PENGAJARAN AYAT

1

Surah ini menyeru manusia agar sentiasa melaksanakan segala yang diperintahkan oleh Allah ﷺ dan mencegah segala larangan-Nya.

2

Setiap apa yang kita lakukan di dunia akan mendapat balasan di akhirat sama ada nikmat atau azab.

3

Allah ﷺ menjelaskan bahawa azab yang diterima di akhirat adalah berterusan dan kesakitannya berkali ganda dengan kesakitan di dunia

4

Sentiasa memperbanyak amalan kebaikan dan sentiasa taat kepada perintah Allah ﷺ untuk mendapat kebahagiaan dan kenikmatan di akhirat.

5

Setiap anggota badan yang Allah ﷺ ciptakan mempunyai fungsi dan peranan masing-masing. Justeru manusia perlu menghargai dan menjaga segala nikmat yang telah Allah ﷺ kurniakan.

6

Allah Maha Berkuasa menghukum sesiapa sahaja yang Dia kehendaki dan tidak ada sesiapa yang boleh menghalang.

# PENGUKUHAN

## Bab 8



IMBAS  
UNTUK  
SEMAK

### A: Bulatkan jawapan yang betul.

1. "Kulit penghuni neraka akan dimakan api neraka sebanyak 70 atau 70 ribu kali setiap hari." Siapakah yang memberi pendapat tersebut?
  - a) Imam Muqatil
  - b) Hassan al-Basri
  - c) Hassan al-Banna
  
2. Kulit adalah organ terbesar bagi tubuh manusia yang terdiri daripada unsur air, protein, lemak dan mineral.
  - a) Benar
  - b) Salah


### B: Berikan maksud ayat al-Quran yang digariskan.

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِإِيمَانِنَا سَوْفَ نُصْلِيهِمْ نَارًا كُلَّمَا نَضَجَتْ جُلُودُهُمْ بَدَلْلُهُمْ

جُلُودًا غَيْرَهَا لِيَدُوْقُوا الْعَذَابَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿٥٦﴾

- a. \_\_\_\_\_
- b. \_\_\_\_\_
- c. \_\_\_\_\_
- d. \_\_\_\_\_
- e. \_\_\_\_\_

C: Labelkan lapisan kulit berikut:





09

## HAID DAN PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 222 Surah Al-Baqarah

Hasil  
Pembelajaran

### Hasil Pembelajaran

1. Pelajar dapat memahami hukum berkaitan haid bagi wanita menurut tafsiran ayat al-Quran.
2. Pelajar dapat menghuraikan jenis darah beserta warnanya mengikut kitaran hari haid.

PENULIS :  
Nihayatul Husna binti Hisham.





9

## HAID & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 222 Surah Al-Baqarah

### PENDAHULUAN

Al-Baqarah yang bermaksud lembu betina adalah surah kedua dalam al-Quran dan merupakan surah yang terpanjang dengan bilangan ayat sebanyak 286 ayat. Ia juga surah pertama yang diturunkan di Madinah secara terus-menerus sehingga kewafatan baginda ﷺ. Namun begitu, dua ayat terakhir surah ini adalah ayat Makiyyah kerana baginda menerima ayat tersebut semasa peristiwa Mikraj di bawah Arsy Allah. Selain itu, surah ini merupakan surah pertama daripada 29 surah yang bermula dengan huruf muqata'ah آلم. Ulama berpendapat bahawa surah yang bermula dengan huruf muqata'ah ialah surah yang menekankan keagungan al-Quran.

Surah ini juga menegaskan tentang larangan menyembah tuhan selain Allah ﷺ sebagaimana yang telah dilakukan oleh kaum Bani Israil yang menyembah patung berhala lembu betina yang dibina oleh Samiri. Surah ini juga mengandungi ayatul kursi yang dijadikan bacaan dan amalan untuk mendapat perlindungan dan keredaan Allah ﷺ.



9

## HAID & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 222 Surah Al-Baqarah

### AYAT UTAMA

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ ۖ قُلْ هُوَ أَذْىٌ فَأَعْتَرُلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ ۖ وَلَا تَقْرِبُوهُنَّ  
حَتَّىٰ يَطْهَرْنَ ۖ فَإِذَا تَطْهَرْنَ فَأُتْهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمْرَكُمُ اللَّهُ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْتَّوَّبِينَ  
وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ ﴿٢٢٢﴾

**Maksud:** Mereka bertanya kepadamu tentang haid. Katakanlah: "Haid itu adalah kotoran". Oleh sebab itu, hendaklah kamu menjauhkan diri dari wanita di waktu haid dan janganlah kamu mendekati mereka sebelum mereka suci. Apabila mereka telah suci, maka campurilah mereka itu di tempat yang diperintahkan Allah kepadamu. Sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertaubat dan menyukai orang yang menyucikan diri. **(222)**

**(Surah al-Baqarah : 222)**

### TAFSIR AYAT

Ayat ini berkisar tentang Rasulullah ﷺ yang ditanya tentang hukum wanita yang sedang haid. Kaum Yahudi dan Majusi percaya bahawa wanita yang sedang haid adalah kotor dan bernajis. Mereka menganggap jika menggauli wanita haid akan menyebabkan mereka juga menjadi kotor. Oleh itu, kaum Yahudi akan meminggirkan wanita haid ketika makan, minum, tidur malahan enggan tinggal sebumbung bersama mereka sepanjang tempoh haid berlangsung. Keadaan ini berbeza pula dengan kaum Nasrani yang tidak membezakan keadaan seorang wanita haid atau sebaliknya. Tradisi-tradisi ini secara tidak langsung telah menimbulkan persoalan hukum menggauli wanita yang sedang haid.



9

## HAID & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 222 Surah Al-Baqarah

### TAFSIR AYAT

Justeru itu, ayat ini menjelaskan perkara yang ditegah ketika isteri haid ialah dengan melakukan persetubuhan bersama mereka. Berhubung perkara ini, para ulama berpendapat:

1

#### JUMHUR ULAMA:

Haram menyetubuhi isteri sebelum suci dan mandi wajib.

2

#### IMAM ABU HANIFAH

Haram menyetubuhi isteri yang haid dan suci dalam tempoh terpendek (3 hari) haid isteri kecuali setelah mandi wajib. Namun jika haidnya berlaku pada tempoh terpanjang (10 hari) maka halal bagi suami untuk menyetubuhi isterinya walau pun belum mandi wajib.

3

#### ULAMA FIQAH

Haram menyetubuhi isteri sebelum suci dan mandi wajib.

Ayat ini juga menjelaskan apabila seseorang wanita telah suci daripada haidnya, suami diharuskan untuk menyetubuhi dan menggauli mereka di anggota yang telah diperintahkan oleh Allah ﷺ iaitu qubul (faraj). Justeru itu, sesiapa yang melakukan penyimpangan dalam hubungannya, iaitu melakukan hubungan dengan pasangan selain daripada jalan qubul dan faraj bererti dia telah melampaui batas dan mendapat dosa.



9

## HAID & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 222 Surah Al-Baqarah

### TAFSIR AYAT

Ayat ini diakhiri dengan penegasan bahawa Allah ﷺ sangat menyukai orang yang bertaubat daripada perbuatan dosa. Allah akan sentiasa mengampuni mereka yang melakukan kesilapan walaupun berkali-kali. Namun begitu, Allah ﷺ lebih menyukai orang yang sentiasa menyucikan dirinya dari najis sama ada hadas besar mahupun hadas kecil. Allah ﷺ suka orang-orang yang membersihkan dirinya dari kotoran dan penyakit, mentaati larangan mendatangi isteri yang sedang haid atau mendatangi isteri bukan pada anggota tubuhnya yang diharuskan oleh syarak.

Ayat ini juga mengandungi dalil pensyariatan bersuci daripada segala kekotoran secara mutlak. Ini kerana bersuci merupakan syarat sahnya sesuatu ibadah khususnya solat dan tawaf. Selain itu, bersuci secara maknawi iaitu suci daripada akhlak buruk dan sifat yang keji sangat disukai Allah ﷺ kerana sesungguhnya Allah ﷺ menyukai orang yang bersih dan suci.



Jom  
Tonton!

Tafsir ayat 222 Surah al-Baqarah. (Sumber: Youtube)

104



9

## HAID DAN PERMASALAHANNYA

### Tafsir ayat 222 Surah Al-Baqarah

#### PERBINCANGAN AYAT : HAID

Fitrah wanita normal pasti akan mengalami haid. Haid menurut syarak ialah darah tabi'i (semulajadi) yang keluar dari pangkal rahim wanita yang telah baligh dalam keadaan sihat pada waktu tertentu. Keluarnya darah haid bukanlah disebabkan oleh suatu penyakit, luka, keguguran atau pun kelahiran tetapi disebabkan oleh fitrah manusia yang bergelar wanita.

#### JENIS-JENIS DARAH WANITA

Para ulama berijmak bahawa ada tiga jenis darah yang keluar dari alat kelamin wanita iaitu :

##### 1 Darah Haid

- ❖ Berwarna hitam kemerahan dan pekat. Apabila darah ini keluar, wanita wajib meninggalkan solat dan puasa dan ibadah-ibadah tertentu. Puasa fardu yang ditinggalkan wajib diqada' (ganti) manakala solat yang ditinggalkan tidak perlu diqada'. Para ulama' berbeza pendapat tentang tempoh masa haid iaitu:

**Tempoh MAKSIMUM  
15 HARI**

Darah yang keluar lebih dari tempoh itu adalah darah Istihadahh

IMAM MALIK,  
SYAFIE & AHMAD

**Tempoh MINIMUM  
1 HARI 1 MALAM**

Darah yang keluar kurang dari tempoh itu adalah darah Istihadahh

IMAM SYAFIE  
& AHMAD

**Tempoh MINIMUM  
3 HARI**      **Tempoh MAKSIMUM  
10 HARI**

Darah yang keluar kurang atau lebih daripada tempoh tersebut adalah darah istihadahh.

IMAM ABU HANIFAH



9

## HAID DAN PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 222 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT : HAID

#### 2 Darah Nifas

- ❖ Ialah darah yang keluar ketika seorang ibu melahirkan anak. Sifat darahnya adalah seperti haid. Tempoh haid menurut para ulama ialah:



#### 3 Darah Istihadah

- ❖ Ialah darah penyakit yang keluar daripada hujung urat yang berada di bawah rahim yang dikenali sebagai (العاذل) selepas tempoh maksimum haid dan nifas atau darah keluar berterusan selepas hari kebiasaan haid.

- 1 Darah keluar sebanyak 2 kali yang diselangi oleh tempoh suci yang kurang 15 hari.
- 2 Darah keluar selepas tempoh maksimum haid 15 hari
- 3 Keluar darah kurang daripada 24 jam
- 4 Keluar darah sebelum umur 9 tahun.
- 5 Keluar darah selepas tempoh 60 hari nifas

CIRI-CIRI DARAH ISTIHADAH



9

## HAID DAN PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 222 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT : HAID & PERMASALAHANNYA

- ❖ Hukum haid dan istihadah disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Malik dari Aisyah r.a., katanya: Fathimah binti Abu Hubaisy pernah bertanya, "Wahai Rasulullah, haid saya tidak pernah berhenti. Apakah saya harus meninggalkan solat? Baginda menjawab:

لَا، إِنَّمَا ذَلِكَ عِرْقٌ وَلَيْسَ بِالْحِيْضَةِ، فَإِذَا أَقْبَلَتِ الْحِيْضَةُ فَدَعِيَ الصَّلَاةَ، فَإِذَا أَدْبَرَتْ فَأَغْسِلِي عَنْكِ الدَّمَ وَصَلِّيَّ

**Maksud :** "Itu bukan haid, melainkan kelainan yang disebabkan oleh putusnya urat. Apabila haid datang, tinggalkan solat, dan apabila sudah terlambat masa haid yang kebiasaannya, cucilah darah yang masih keluar dan solatlah."

(Hadis Riwayat Bukhari)

### WARNA DARAH HAID.

#### 1 Jumhur Ulama

Warna darah haid yang telah disepakati jumhur ulama fiqh ialah 5 warna iaitu :



Hitam



Merah



Perang/  
coklat



Kuning



Keruh

(seperti tanah @ air kotor dan berbau)

107



# HAID DAN PERMASALAHANNYA

## Tafsir ayat 222 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT : HAID & PERMASALAHANNYA

Pendapat paling sahih dalam kalangan mazhab Syafie menyatakan cecair warna kuning dan keruh yang keluar pada tempoh haid adalah termasuk dalam darah haid.

#### 2 Mazhab Hanafi

Terdapat **6 warna** darah haid iaitu:



Hitam



Merah



Kuning



Keruh



Hijau



Warna Tanah

Berhentinya haid dapat diketahui dengan adanya warna putih, iaitu dengan cara memasukkan kain yang bersih atau kapas ke dalam kemaluan. Sekiranya kapas tidak menunjukkan warna darah haid, maka ia dianggap darah haid telah berhenti.

Untuk mengetahui perbezaan antara darah haid dan darah biasa adalah dengan membezakan sifat dan warna darah tersebut:

#### 1 Merah dan Hitam

- ❖ Adalah warna darah haid yang disepakati jumhur ulama. Berikut riwayat berkaitan warna darah haid :

إِذَا كَانَ دَمُ الْحِيْضَةِ فَإِنَّهُ دَمٌ أَسْوَدُ يُعْرَفُ فَإِذَا كَانَ ذَلِكَ فَأَمْسِكِي عَنِ الصَّلَاةِ  
فَإِذَا كَانَ الْآخَرُ فَتَوْضِئِي وَصَلِّي فَإِنَّمَا هُوَ عِرْقٌ

108



9

## HAID DAN PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 222 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT : HAID & PERMASALAHANNYA

**Maksudnya:** Jika darah haid, maka sesungguhnya ia adalah darah **berwarna hitam** yang dikenali. Jika ia bersifat demikian, janganlah bersolat dan jika selainnya berwuduklah dan dirikan solat, kerana darah itu ialah darah penyakit.”

( Hadis Riwayat Abu Daud )

Menurut Imam Syaukani, hadis tersebut memberi panduan untuk membezakan antara darah haid dan bukan haid dengan melihat warna darahnya. Jika warna darahnya hitam, maka itu adalah darah haid, tetapi jika sebaliknya ia adalah darah istihadah.

#### 2 Merah

Adalah warna darah seperti darah kotor. Menurut Mazhab Hanafi, darah yang berwarna kemerahan, adalah darah haid juga. Beliau menggunakan dalil al-Quran dari Surah al-Baqarah ayat 222 mafhumnya : “mereka bertanya tentang haid, katakanlah haid itu kotoran....”. Menurut ayat ini haid adalah kotoran sedangkan kotoran itu tidak terbatas pada darah yang berwarna hitam saja.



9

## HAID DAN PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 222 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT : HAID & PERMASALAHANNYA

#### 3 Keruh

Adalah warna antara putih dan hitam. Mazhab Hanafi mengkategorikan warna darah seperti itu sebagai darah haid pada hari-hari menjelang berakhirnya haid. Menurut Abu Hanifah dan Muhammad, darah berwarna keruh yang keluar pada hari-hari pertama haid juga dikategorikan sebagai darah haid.

Manakala, Mazhab Maliki berpandangan darah berwarna keruh atau kekuningan adalah darah haid sama ada ketika awal haid atau pada tempoh akhir haid. Keadaan ini adalah berdasarkan hadis daripada Aisyah r.a. dalam Sahih al-Bukhari :

كَانَتِ النِّسَاءُ يَبْعَثُنَ إِلَى عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا بِالدُّرْجَةِ فِيهَا الْكُرْسُفُ فِيهِ الصُّفْرَةُ  
مِنْ دَمِ الْحِيْضُرِ فَتَقُولُ لَا تَعْجَلْنَ حَتَّى تَرِيْنَ الْقَصَّةَ الْبَيْضَاءَ ثُرِيدُ بِذَلِكَ الطُّهُرُ مِنْ  
الْحِيْضَرِ

**Maksudnya:** “Dahulu, para wanita datang menemui Aisyah r.a. dengan menunjukkan kain yang berisi kapas (yakni yang dimasukkan ke dalam faraj) yang padanya ada kesan kekuningan (kesan darah haid) lalu Aisyah berkata kepada mereka, “Janganlah kamu tergesa-gesa (untuk mandi dan bersolat) sehingga kamu melihat warna cecair putih pada kapas yang menunjukkan suci daripada darah haid.”

( Hadis Riwayat Bukhari )



9

## HAID DAN PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 222 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT : HAID

#### LARANGAN BERSETUBUH KETIKA HAID.

Haid merupakan kitaran normal bagi setiap wanita apabila sudah mencapai umur akil dan baligh. Nabi ﷺ bersabda :

إِنَّ هَذَا شَيْءٌ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَى بَنَاتِ آدَمَ

**Maksudnya** : Ini (kitaran haid) adalah sesuatu yang telah Allah SWT tetapkan bagi anak cucu perempuan Adam."

( Hadis Riwayat Muslim )

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang biasa dilakukan ketika suci tetapi tidak boleh dilakukan oleh wanita yang sedang haid. Seperti yang telah dinyatakan pada ayat 222 dalam Surah al-Baqarah, para suami tidak dibenarkan untuk menggauli isterinya ketika ia sedang haid. Pendapat jumhur ulama menyatakan suami harus menjauhi bahagian tubuh isteri di antara pusat hingga lutut. Menyetubuhi wanita ketika haid boleh mendatangkan mudarat dan memberi kesan buruk kepada pasangan. Perbuatan selain jimak seperti berciuman dan berpelukan dibolehkan selari dengan hadis berikut:

Dari Anas r.a sabda Rasulullah SAW. :

اصنعوا كُلَّ شَيْءٍ إِلَّا النَّكَاحَ

**Maksud** : "Lakukanlah apa sahaja kecuali berjimak"

(Hadis Riwayat Muslim)

111



9

## HAID DAN PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 222 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT : HAID

Dalam hadis lain, Rasulullah ﷺ bersabda kepada seorang sahabat yang bertanya kepada Baginda : "Apakah yang saya boleh lakukan terhadap isteri saya ketika haid?", Baginda menjawab, "Hendaklah kau pakaikan sarung padanya, kemudian kau boleh bercumbu bahagian atas tubuhnya (selain pusat hingga lutut). "Aisyah juga pernah berkata, "Apabila salah seorang daripada kami (para isteri Nabi ﷺ) sedang haid, Baginda menyuruhnya memakai sarung kemudian Baginda menggaulinya."

Di samping itu, terdapat dua pandangan ulama bagi suami dan isteri yang telah terlanjur melakukan persetubuhan ketika haid iaitu:

1

#### JUMHUR ULAMA

Memadai dengan beristighfar kepada Allah ﷺ.

2

#### MAZHAB HAMBALI

Persetubuhan yang dilakukan pada awal tempoh haid, diharuskan baginya bersedekah sebanyak satu (1) dinar, manakala jika dilakukan pada akhir tempoh haid maka diharuskan untuk bersedekah  $\frac{1}{2}$  dinar.

Pandangan di atas adalah bersesuaian dengan hadis Rasulullah :

إِذَا كَانَ دَمًا أَحْمَرَ فَدِينَارٌ، وَإِنْ كَانَ دَمًا أَصْفَرَ فَنِصْفُ دِينَارٍ

**Maksudnya:** Jika darah haidnya berwarna merah, hendaklah bersedekah satu dinar, tetapi jika warnanya kuning maka hendaklah bersedekah setengah dinar.



## HAID DAN PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 222 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT : HAID

Selain berjimak, terdapat perkara-perkara lain yang dilarang ketika wanita sedang haid iaitu :



Rajah: Larangan bagi wanita yang sedang haid.

### MEMBACA AL-QURAN BAGI WANITA HAID

Terdapat perbahasan ulama tentang hukum wanita yang sedang haid membaca al-Quran terutamanya bagi orang yang sedang menghafaz al-Quran iaitu:

1

#### JUMHUR ULAMA

Hukumnya haram. Mereka melarang wanita membaca al-Quran ketika haid dan sedang berjunub berdasarkan kepada hadis daripada Ibn Umar r.a.

لَا تَقْرَأُ الْحَائِضُ وَلَا اجْتَنِبْ شَيْئًا مِّنَ الْقُرْآنِ

**Maksud:** Tidak dibolehkan wanita sedang haid dan berjunub membaca walau sedikit daripada al-Quran.

(Hadis Riwayat Tirmizi)



9

## HAID DAN PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 222 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT : HAID

2

#### ULAMA MALIKIYYAH

Hukumnya harus. Ia berdasarkan riwayat sahih yang membolehkan seorang wanita yang sedang haid untuk memegang al-Quran dan membacanya dengan tujuan mengajar dan belajar.

Kelonggaran membaca al-Quran hanya diberikan kepada wanita yang dalam keadaan haid sahaja dan bukannya berjunub. Ini kerana, hari-hari kedatangan haid itu berlangsung dalam tempoh yang lama. Jika mereka dilarang membaca al-Quran, dibimbangi hafazan al-Quran mereka akan terlupakan, sedangkan, berzikir kepada Allah ﷺ adalah dibolehkan kepada wanita-wanita yang sedang dalam haid. Kelonggaran ini secara tidak langsung menjadi satu keringanan dan memudahkan institusi tahlif untuk meneruskan pengajaran agar para huffaz tidak melupai hafazan mereka dengan alasan haid.





9

# HAID DAN PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 222 Surah Al-Baqarah

## PERBINCANGAN AYAT : HAID

### HAID MENURUT PERSPEKTIF SAINS.

Haid dalam sains disebut sebagai menstruasi. Ia adalah kitaran normal yang berlaku setiap bulan terhadap wanita yang sihat dan mereka akan mengalami pendarahan dari vagina yang berasal daripada lapisan rahim. Menurut definisi dari kamus perubatan, haid didefiniskan sebagai penumpahan *endometrium* secara berkala yang keluar daripada rahim wanita.

Kitaran haid boleh dibahagikan kepada tiga fasa menurut sains :

1

#### FASA HAID

- ❖ Merupakan hari pertama pendarahan haid berlaku
- ❖ Menurut Dr Richard E. Jones di dalam bukunya "Human Reproductive Body", kitaran haid adalah sekitar sehari hingga 7 hari, tetapi kebiasannya berlaku selama 4 atau 5 hari sahaja.

2

#### FASA FOLIKEL

- ❖ Fasa ini bermula hari terakhir haid (misalnya hari ke-7 jika haid berlaku selama 6 hari.)
- ❖ Ovari akan meneruskan pembentukan folikel -folikel yang bermula dari awal fasa haid dan merembeskan estradiol (hormon), yang akan menyebabkan penebalan lapisan *endometrium* rahim.



9

# HAID DAN PERMASALAHANNYA

## Tafsir ayat 222 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT : HAID

- ❖ Fasa folikel akan berterusan sehingga ovulasi (proses pelepasan ovum daripada folikel dominan) yang pada kebiasaannya berlaku pada hari ke-14 untuk kitaran haid 28 hari dan pada hari ke-16 untuk kitaran haid 30 hari.
- ❖ Proses ovulasi berlaku kira-kira 14 hari sebelum bermulanya haid yang seterusnya.

3

### FASA LUTEAL

- ❖ Fasa ini bermula selepas ovulasi sehingga hari pertama haid kitaran baharu.
- ❖ Folikel dominan yang kosong akan membentuk korpus luteum dengan sokongan hormon pituitary. Korpus luteum akan menghasilkan hormon progesteron yang akan meningkatkan penghasilan hormon estrogen untuk dua minggu berikutnya.
- ❖ Hormon progesteron akan menukar endometrium proliferative (proses menjadi lapisan penerima rembesan bagi pembedahan dan sokongan pada awal kehamilan).
- ❖ Jika tidak berlaku persenyawaan, ovum akan keluar daripada badan melalui aliran haid. Namun jika persenyawaan berlaku, embrio akan terbenam pada lapisan endometrium dalam rahim dan menghalang wanita daripada haid.



9

## HAID DAN PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 222 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT : HAID

Darah yang keluar semasa Fasa Luteal dalam Islam disebut darah *istihadah*. Darah ini akan keluar secara berterusan dari fasa pertama dan kedua haid serta pada fasa ketiga walaupun darah sudah berhenti pada fasa sebelumnya.

### FASA LUTEAL DAN ISTIHADAH

Ahli sains juga turut membuat kajian tentang justifikasi warna darah ketika haid iaitu :



#### MERAH TERANG

Peratusan haemoglobin yang tinggi.



#### MERAH GELAP

Menunjukkan peningkatan keradangan dan penghasilan prostaglandin.



#### PUCAT & CAIR

Menunjukkan peralihan perimenopause (peringkat sebelum terjadi menopause)



#### GELAP , PEKAT & COKLAT

Menunjukkan peningkatan pengoksidaan hemoglobin yang melambatkan aliran haid.  
Menunjukkan kemungkinan disebabkan oleh penyakit endometriosis



9

## HAID DAN PERMASALAHANNYA

### Tafsir ayat 222 Surah Al-Baqarah

#### PENGAJARAN AYAT

1

Haid adalah fitrah wanita yang normal dan sihat. Surah ini telah membetulkan spekulasi yang berlaku dalam kalangan Arab Jahiliyyah terhadap wanita haid sekali gus mengangkat martabat wanita yang sering kali dipandang lemah dan serba kekurangan.

2

Allah ﷺ Maha Pengampun terhadap para hamba-Nya yang sering melakukan dosa. Malahan Allah ﷺ lebih suka apabila hamba-Nya selalu bertaubat. Ini kerana sifat manusia adalah sentiasa leka dan alpa.

3

Islam amat menitik beratkan tentang kebersihan terutama dalam hubungan persetubuhan suami dan isteri dengan mensyariatkan isteri hanya boleh disetubuh setelah mereka suci daripada haid dan selesai mandi wajib.

4

Ilmu tentang darah wanita sangat luas dan haruslah dipelajari dengan lebih mendalam supaya tidak berlaku kekeliruan dalam menentukan hukum haid, istihadah dan nifas.

# PENGUKUHAN

## Bab 9



IMBAS  
UNTUK  
SEMAK

### A: Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul

sihat	<i>baligh</i>	semulajadi	Rahim
-------	---------------	------------	-------

iHaid menurut syarak ialah darah (1) \_\_\_\_\_ yang keluar dari pangkal (2)\_\_\_\_\_ wanita yang telah (3) \_\_\_\_\_ dalam keadaan (4) \_\_\_\_\_ pada waktu tertentu.

.

### B. Jawab soalan berikut:

- I. Apakah perkara yang dilarang dilakukan oleh wanita yang haid?
  - a. \_\_\_\_\_
  - b. \_\_\_\_\_
  - c. \_\_\_\_\_

.
- ii. Tempoh maksimum haid menurut jumhur ulama ialah \_\_\_\_\_ hari
- iii. Tempoh maksimum haid menurut Imam Abu Hanifah ialah \_\_\_\_\_ hari.



10

## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

Hasil  
Pembelajaran

### Hasil Pembelajaran

1. Pelajar dapat memahami kewajipan ibadah puasa beserta kelebihan dan permasalahan yang terdapat dalam tafsiran ayat al-Quran

PENULIS :  
Nihayatul Husna binti Hisham.

120



10

## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### PENDAHULUAN

Ayat pensyariatan puasa terdapat dalam juz kedua Surah al-Baqarah. Surah ini mengandungi hukum-hakam dan pensyariatan yang telah diperintahkan Allah ﷺ kepada hamba-Nya seperti perintah berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan solat lima waktu, menunaikan zakat, hukum jual beli dan banyak lagi hukum dalam al-Quran yang dijadikan rujukan utama umat Islam. Istimewanya, Surah al-Baqarah ialah satu-satunya surah dalam al-Quran yang menjelaskan tentang ibadat puasa secara terperinci dan lebih mendalam. Sebab turunnya ayat 183 dan 184 telah direkodkan oleh Ibn Jarir, Muadz bin Jabal telah memberitahu bahawasanya ia berkata, "Rasulullah ﷺ tiba di Madinah. Lalu baginda berpuasa Asyura dan berpuasa tiga hari setiap bulan. Kemudian Allah ﷺ menetapkan kewajipan puasa pada bulan Ramadhan, maka turunlah ayat tersebut."



121



10

## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### AYAT UTAMA

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَقَوَّنَ ﴿١٨٣﴾ أَيَّامًا مَعْدُودَاتٍ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخْرَى وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامٌ مِسْكِينٌ فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ وَأَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٤﴾

**Maksud:** Wahai orang-orang yang beriman! diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang sebelum kamu, agar kamu bertakwa(183). (Iaitu) dalam beberapa hari yang tertentu. Maka barangsiapa di antara kamu ada yang sakit atau dalam perjalanan (lalu dia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. Dan wajib bagi orang yang (tidak terdaya untuk berpuasa) membayar fidyah, (iaitu) memberi makan orang miskin. Barangsiapa yang dengan kerelaan hati mengerjakan kebajikan, maka itulah yang lebih baik baginya. Dan berpuasa lebih baik bagimu jika kamu mengetahui (184).

### TAFSIR AYAT

Allah <sup>SWT</sup> menyeru “wahai orang-orang yang beriman” pada awal ayat untuk menambat hati hamba-Nya agar berpuasa tanpa paksaan. Allah <sup>SWT</sup> memerintahkan orang mukmin daripada kalangan umat ini berpuasa dengan menahan diri daripada melakukan perkara yang diharamkan dan meninggalkan keinginan hawa nasfu dengan niat yang ikhlas kerana Allah <sup>SWT</sup> . Ibadah puasa pada bulan Ramadan

122



10

## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### TAFSIR AYAT

merupakan kewajipan kepada umat Islam yang mukallaf dan cukup syarat-syarat wajib untuk berpuasa sepanjang bulan tersebut.

Seruan Allah <sup>SWT</sup> ini menunjukkan puasa adalah ibadat yang akan dianjari oleh Allah <sup>SWT</sup> dengan ganjaran yang besar iaitu ketakwaan. Puasa mendidik jiwa manusia menjadi insan yang bertakwa dan kehambaannya kepada Allah <sup>SWT</sup>. Dengan berpuasa, seseorang itu akan meninggalkan hal-hal yang disukai dan menurut hawa nafsunya seperti makan, minum dan berjimak bersama pasangan suami isteri. Apabila seseorang itu berpuasa dan berkehendak untuk melakukan perbuatan maksiat, bepuasa dapat mecegah mereka dan menahan diri daripada melakukan perbuatan mungkar.

Pada ayat ke-184, Allah <sup>SWT</sup> menjelaskan ayat "أَيْمَانًا مَعْدُودَاتٍ" bermaksud "dalam beberapa hari yang tertentu" bahawa ibadat puasa dilaksanakan dalam tempoh yang tertentu dan bukan setiap hari dalam sepanjang tahun. Berdasarkan ayat ini, jelas terbukti pensyariatan puasa yang telah diperintahkan oleh Allah <sup>SWT</sup> ke atas hamba-Nya bukanlah bebanan dan seksaan, malah sebaliknya ia mengandungi banyak hikmah dan kemasyhahatan kepada manusia.



Jom  
Tonton!

123

Tafsir ayat 183 Surah al-Baqarah. (Sumber: Youtube)



10

## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### TAFSIR AYAT

Seterusnya ayat 184 juga menjelaskan rukhsah (keringanan) yang disyariatkan kepada orang yang sedang berpuasa, kemudian jatuh sakit atau sedang bermusafir dan jika mereka tidak mampu berpuasa, lalu diharuskan bagi mereka untuk berbuka puasa. Hal ini kerana dikhuatiri boleh memudaratkan diri jika ibadat puasa diteruskan. Walau bagaimanapun setelah berakhir Ramadan, diwajibkan bagi mereka untuk mengqada semula puasanya sebanyak hari yang ditinggalkan.

Allah<sup>swt</sup> juga memberi kelonggaran kepada orang yang uzur, sekiranya tidak mampu mengqada puasanya kerana kezuruan yang dialami, maka wajib bagi mereka membayar fidyah. Maksud orang yang tidak mampu terbahagi kepada beberapa golongan iaitu:



Orang tua yang uzur.



Wanita mengandung



Wanita menyusukan anak



Orang sakit

Rajah: Golongan tidak mampu berpuasa.

Golongan di atas boleh memilih antara berpuasa atau berbuka dan membayar fidyah. Fidyah wajib dibayar untuk setiap hari yang ditinggalkan. Ia adalah sebagai ganti atau penebus puasa yang ditinggalkannya.



10

## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### TAFSIR AYAT

Ayat 184 ini juga menjelaskan pembayaran fidyah adalah dengan memberi makan seorang miskin sebanyak satu mud atau cupak (satu genggam tangan orang dewasa) makanan asasi tempatan untuk sehari puasa yang ditinggalkan.



Berikutnya, Allah ﷺ menjelaskan bahawa barang siapa yang dengan kerelaan hati mengerjakan kebajikan, maka itulah yang lebih baik baginya. Lebih baik jika seseorang itu dengan sukarela membayar fidyah atau memberi makan lebih dari seorang miskin untuk setiap hari yang ditinggalkan. Walaupun demikian, berpuasa itu lebih baik dan utama daripada membayar fidyah atau memberi makan orang miskin. Sesungguhnya Allah ﷺ lebih mengetahui setiap apa yang dicipta-Nya.



Jom  
Tonton!

Tafsir ayat 184 Surah al-Baqarah.  
(Sumber: Youtube)



10

## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT: IBADAH PUASA

Menerusi ayat 183-184, Allah ﷺ mewajibkan ibadat puasa kepada orang mukmin sebagaimana Allah ﷺ telah mewajibkan puasa kepada orang terdahulu. Allah ﷺ menurunkan perintah berpuasa kepada orang beriman supaya bertambah ketakwaan dan keimanan kepada-Nya. Istilah takwa digunakan kerana dalam penerapan puasa Ramadhan, kita disajikan dengan pelbagai bentuk didikan sama ada dari segi jasmani dan rohani. Pendidikan dari segi jasmani ialah menahan diri daripada melakukan perkara yang mungkar dan keji. Manakala dari segi rohani ia adalah proses memperhambaan diri kepada Allah dengan mentaati segala perintah-Nya. Secara tidak langsung, puasa merupakan satu ibadah yang memberi ruang untuk mendidik dan mentarbiah hawa nafsu dalam kalangan umat Islam.

Hukum wajib berpuasa dikhususkan pada bulan Ramadan selama sebulan. Selain bulan tersebut, umat Islam disunatkan berpuasa pada waktu-waktu yang tertentu. Melihat kepada pensyariatan berpuasa selama sebulan, Allah ﷺ telah memberikan kemudahan kepada hambanya yang tidak mampu berpuasa.

- 1 Isnin dan Khamis.
- 2 Hari Arafah ( 9 Zulhijjah)
- 3 6 hari Bulan Syawal
- 4 Hari Asyura (10 Muharram)
- 5 Hari Tasu'a ( 9 Muharram)
- 6 Hari Putih ( 13,14,15 setiap bulan Islam)

JENIS-JENIS  
PUASA SUNAT

126



## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT: IBADAH PUASA

#### KELEBIHAN BERPUASA.

Berpuasa bagi umat Islam bukan sekadar menahan lapar dan dahaga sahaja malah mendidik rohani agar bertambah ketakwaan dan keimanan kepada Allah ﷺ. Hadis Nabi Muhammad SAW bersabda :

الصوم نصف الصبر

**Maksud :** “Puasa adalah separuh daripada kesabaran.”

( Hadis Riwayat Ibn. Majah)

#### 1 Memupuk keinsafan seorang hamba.

Puasa memupuk rasa insaf dalam jiwa seseorang hamba kepada Tuhanya agar bertambah takut dan takwa kepada penciptanya. Ketika berpuasa, keimanan akan teruji apabila terbitnya rasa lapar dan dahaga. Pada saat ini, puasa mendidik jiwa orang yang berpuasa dengan rasa takut kepada Allah walau dalam saat berseorangan. Orang yang hatinya takutkan Allah ﷺ pasti tidak mudah tergoda dengan ujian tersebut kerana dorongan iman dan takut kepada Allah ﷺ menjadi benteng kepada dirinya daripada melakukan perkara yang membantalkan puasanya.



10

## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT: IBADAH PUASA

#### 2 Mengawal hawa nafsu

Berpuasa dapat mengawal nafsu syahwat dan pelindung daripada perbuatan maksiat sepetimana sabda Rasulullah ﷺ ketika baginda memberi gambaran puasa bagi orang yang belum mampu berkahwin. Hadis daripada Ibnu Mas'ud :

وَمَنْ لَمْ يُسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ؛ فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ

**Maksud :** “Dan barangsiapa belum mampu bernikah maka hendaklah dia berpuasa, kerana puasa itu meredakan syahwat.”

( Hadis Riwayat Muslim)

#### 3 Mengeratkan silaturrahim.

Puasa dapat mengukuhkan hubungan silaturrahim antara golongan kaya dan miskin. Puasa mendorong manusia untuk berkongsi rezeki dan melahirkan rasa kasih-sayang dengan memberi makanan kepada mereka yang memerlukan. Rezeki haruslah dikongsi bersama lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan yang pahalanya berlipat ganda.



128



10

## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT: IBADAH PUASA

#### 4 Mendisiplinkan diri.

Puasa dapat membentuk disiplin diri seseorang. Ketika berpuasa, segala tuntutan dan larangan adalah rutin yang perlu dipatuhi bagi memastikan puasanya sah dan mendapat ganjaran sebaiknya. Pembentukan disiplin diri dapat dimanifestasikan ketika seseorang berbuka pada waktu yang ditetapkan, bangkit daripada tidur untuk bersahur di awal pagi, menunaikan solat sunat Terawih, bersederhana ketika berbuka, menunaikan solat di awal waktu dan sebagainya.

#### 5 Membentuk akhlak yang baik.

Puasa mensyariatkan umat Islam untuk menjaga percakapan, menjaga pandangan dan menjauahkan diri dari hiburan secara berlebihan dan melalaikan. Nabi Muhammad ﷺ bersabda dalam hadis Qudsi :

مَنْ لَمْ يَدْعِ قَوْلَ الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ وَاجْهَلَ فَلَيْسَ لِلَّهِ حَاجَةٌ أَنْ يَدْعِ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ

**Maksud** : “Barangsiapa yang tidak meninggalkan perkataan dan perbuatan keji, maka tiada gunanya ia meninggalkan makanan dan minumannya kerana Allah ﷺ.”

( Hadis Riwayat Bukhari)



10

## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT: IBADAH PUASA

6

Menjaga kesihatan.

Puasa juga dapat meningkatkan tahap kesihatan menjadi lebih baik, menjadikan tubuh badan lebih segar dan sihat dan menguatkan memori serta fokus seseorang. Berdasarkan hadis Nabi Muhammad ﷺ dari Abu Hurairah r.a :

صوموا تصحوا

**Maksud :** “Berpuasalah, nescaya kamu akan sihat.”

### KESAN BERPUASA TERHADAP KESIHATAN MANUSIA MENURUT PAKAR

Menurut kajian serta bukti saintifik, puasa dapat memberi kesan positif terhadap kesihatan malah mampu menyembuhkan pelbagai jenis penyakit. Bertepatan dengan hadis riwayat Abu Hurairah, Nabi Muhammad ﷺ bersabda yang bermaksud “berpuasalah nescaya kamu akan sihat”.

Berikut adalah beberapa kajian daripada golongan pakar dalam bidang kedoktoran dan perubatan mengenai kelebihan berpuasa terhadap kesihatan tubuh badan manusia.

130



10

## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT: IBADAH PUASA

1

**Alexis Carrel**

Beliau merupakan seorang pakar bedah dan ahli biologi dan penulis buku "Man The Unknown". Beliau telah mencoretkan dalam bukunya, "Makanan yang berlebihan dalam badan boleh melemahkan fungsi organ dan ia merupakan faktor terbesar terjadi pembiakan berbagai jenis virus dalam tubuh badan". Beliau juga berkata "Seluruh organ dalam tubuh mengeluarkan zat khususnya untuk mempertahankan kesihatan jantung dan keseimbangan dalaman tubuh, berpuasa sangat baik.

2

**Mack Pardon**

Beliau mengkaji kesan berpuasa terhadap kesihatan badan manusia. Hasilnya beliau mendapati bahawa puasa dapat mencegah segala mudarat dan penyakit kerana makanan, minuman dan ubat-ubatan mempunyai racun yang akan bertukar menjadi toksik di dalam badan. Kajian ini berpadanan dengan hadis yang bermaksud:

"Perut itu adalah rumah penyakit dan makan secara berlebihan itu punca kepada segala penyakit".

( Hadis Riwayat Muslim )



10

## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT: IBADAH PUASA

3

Mc Fadon

Merupakan seorang ahli kesihatan Amerika Syarikat yang mengkaji tentang kesan berpuasa terhadap kesihatan. Beliau berpendapat "Setiap individu harus berpuasa kerana jika tidak berpuasa, racun makanan akan berkumpul dalam tubuh badan dan menyebabkan seseorang mudah sakit, mengurangkan kecerdasan badan dan memberatkan tubuh badan. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Mc Fadon, beliau mendapati antara kesan berpuasa terhadap kesihatan ialah :

1

Memperbaiki fungsi penyerapan nutrisi dan pencernaan dengan lebih baik sekaligus boleh menurunkan berat badan.

2

Merhatikan tubuh badan dan memperbaiki saraf-saraf dalam badan.

3

Menyerap lebih banyak zat-zat dalam usus yang telah mendap. Pemendapan sisa dalam tempoh masa yang panjang mengakibatkan ia menjadi sisa yang beracun.

4

Meningkatkan tahap pemikiran (IQ) dan menguatkan pancaindera.

5

Membersihkan dan menyerikan kulit tubuh badan.



10

## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT: IBADAH PUASA

4

Dr Mohd Syauk

Beliau adalah seorang pakar jantung dan menyatakan bahawa puasa berpotensi untuk mengurangkan penyakit jantung. Tekanan darah tinggi kebiasaannya akan menurun apabila pesakit jantung berpuasa secara konsisten serta menurunkan untuk berehat dan mengurangkan beban yang ada.

5

Dr Muhammad Zawahiry

Beliau merupakan seorang pakar kulit dan telah memberikan pendapat tentang puasa dapat menyembuhkan penyakit kulit. Ia dapat mengurangkan jumlah air yang berlebihan dalam badan dan darah seterusnya dapat mengurangkan kandungan air dalam kulit.



Jom  
Tonton!

Puasa dan kesihatan  
(Sumber: Youtube)

133



10

## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT: IBADAH PUASA

#### HUKUM PUASA ORANG SAKIT DAN MUSAFIR

Hukum berpuasa dalam bulan Ramadan terbahagi kepada tiga golongan iaitu :

1

##### **Sihat tubuh badan dan bermukim**

Harus berpuasa dalam bulan Ramadhan.

2

##### **Sakit dan bermusafir**

Dibolehkan untuk tidak berpuasa atau berbuka dan harus menggantikan puasanya pada hari yang lain.

3

##### **Tidak mampu berpuasa dan jika berpuasa boleh membawa mudarat kepada dirinya.**

Harus membayar fidyah. Pendapat yang rajih menyatakan mudarat yang dimaksudkan adalah wanita yang sedang hamil dan khuatir akan keselamatan kandungannya.

Puasa diwajibkan kepada orang yang mampu, sihat tubuh badan dan sedang bermukim. Dalam Surah al-Baqarah ayat 184 menyatakan jika seseorang itu sakit atau bermusafir, diharuskan baginya berbuka, tetapi perlu mengganti puasanya atau membayar fidyah bagi mereka yang tidak mampu berpuasa. Allah memberi rukhsah (keringanan) kepada hambanya dalam ibadah puasa agar tidak mendatangkan mudarat kepada dirinya jika meneruskan puasa. Sebagaimana firman Allah SWT :



## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT: IBADAH PUASA

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ ...

Maksud : "...Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesusahan bagimu."

(Surah al-Baqarah : 185)

Allah <sup>SWT</sup> memerintahkan orang sakit dan bermusafir agar mengqada puasa atau membayar fidyah, supaya hamba-Nya sentiasa bersyukur dan mengagungkan Allah <sup>SWT</sup> yang sentiasa memberi rahmat dan keringanan. Bagi mereka yang tidak mampu berpuasa dan jika puasa tersebut membawa mudarat kepada dirinya, maka cukup sekadar membayar fidyah. Begitu juga dengan orang sakit tua yang tiada harapan untuk sembuh hanya perlu membayar fidyah serta tidak perlu mengganti puasa yang ditinggalkan.

Jarak perjalanan orang bermusafir yang diharuskan berbuka adalah perjalanan yang harus mengqasarkan solat fardhu empat rakaat iaitu dengan kadar 2 marhalah (lebih kurang 78km) menurut mazhab Syafie. Manakala bagi mazhab Hanafi pula jarak perjalanan yang dibolehkan rukhsah dalam solat adalah 3 marhalah. Pendapat ulama untuk tidak berpuasa adalah rukhsah dan terpulang kepada pemusafir sama ada hendak meneruskan berpuasa atau pun tidak. Keadaan ini telah disebutkan dalam sebuah hadis berikut:



## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT: IBADAH PUASA

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ حَمْزَةَ بْنَ عَمْرُو الْأَسْلَمِيِّ سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ الصَّوْمَ فِي السَّفَرِ وَكَانَ يَسْتَرُدُ الصَّوْمَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "إِنْ شِئْتَ فَصُمْ وَإِنْ شِئْتَ فَافْطِرْ".

**Maksud :** Daripada Aisyah, bahwasanya Hamzah bin Amru al-Aslami bertanya kepada Rasulullah ﷺ tentang puasanya di waktu musafir dan dia termasuk orang yang banyak berpuasa, lalu Rasulullah SAW bersabda : "Jika kamu hendak berpuasa maka berpuasalah, tapi jika dirimu menghendaki berbuka maka berbukalah."

(Hadis Riwayat Tarmizi)

Majoriti ulama fiqah menyatakan puasa ketika musafir lebih afdal bagi orang yang mampu. Buktiya seperti dalam ayat tafsir utama Allah ﷺ telah berfirman dengan mengatakan **تَصُومُوا خَيْرٌ لَّكُمْ** kerana dengan berpuasa dapat membuktikan kekuatan iman dalam melawan nafsu. Munurut Imam Ahmad pula, beliau berpendapat bahawa berbuka lebih afdal kerana mengambil rukhsah yang telah dianjurkan.



10

## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT: IBADAH PUASA

Seseorang yang meninggalkan puasa harus mengqada jumlah hari yang ditinggalkan. Ia boleh dilakukan bila-bila sahaja sehingga sebelum memasuki Ramadan yang akan datang dan tidak semestinya berpuasa secara berturut-turut. Jumhur fuqaha berpendapat puasa boleh dilakukan mengikut kemampuan individu sama ada secara berturut-turut atau secara terpisah-pisah. Hujah mereka terdapat pada ayat

"فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخْرَى"

Berdasarkan ayat ini, tiada penetapan syarat tertentu untuk menggantikan puasa sama ada qada secara berturut-turut atau terpisah-pisah melainkan kewajipan mengqada puasa mengikut jumlah hari yang ditinggalkan. Jika Ramadan yang berikutnya telah tiba dan mereka belum selesai qada puasa, jumhur ulama bersepakat harus membayar fidyah iaitu dengan memberi makan kepada orang fakir miskin untuk setiap hari yang ditinggalkan.

- 1 Membebaskan seorang hamba, atau
- 2 Berpuasa selama dua bulan berturut-turut, atau
- 3 Memberi makan 60 orang miskin (setiap orang secupuk makanan asasi negeri berkenaan)

@ Hukuman kaffarah hanya ditanggung oleh suami sahaja.

**KAFFARAH MENINGGALKAN  
PUASA KERANA BERSETUBUH**

137



10

## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT: IBADAH PUASA

#### HUKUM PUASA WANITA MENGANDUNG DAN MENYUSUKAN ANAK

Jumhur ulama bersepakat bahawa hukum berpuasa bagi wanita mengandung dan menyusukan anak kerana khuatir akan kesihatan diri dan anaknya adalah diharuskan untuk berbuka puasa. Namun, ulama berselisih pandangan sama ada mereka wajib mengqada puasa dengan membayar fidyah ataupun cukup sekadar mengqada sahaja puasa yang ditinggalkan. Pendapat tersebut ialah :

##### 1 Imam Syafie Dan Imam Ahmad



###### Wajib membayar fidyah dan qada puasa.

- ❖ Ulama menyatakan Wanita mengandung dan menyusukan anak, dua-duanya termasuk dalam kategori dalam ayat "وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيفُونَهُ، فِدْيَةٌ".
- ❖ Ayat ini menjelaskan bahawa lelaki dan wanita tua atau muda yang tidak mampu berpuasa diharuskan berbuka, jika puasanya boleh mendatangkan mudarat.
- ❖ Justeru itu, wajib bagi kedua-duanya membayar fidyah sebagaimana ia diwajibkan kepada orang yang telah tua dan lanjut usia.



10

## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT: IBADAH PUASA

ii

#### Wajib mengqada puasa sahaja tanpa perlu membayar fidyah

- ❖ Sekiranya berbuka puasa atas sebab khuatir akan kesihatan diri atau kesihatan diri sendiri dan anak mereka

2

#### Imam Abu Hanifah

##### Wajib mengqada puasa sahaja

- ❖ Wanita yang mengandung atau menyusukan anak yang meninggalkan puasa Ramadan, memadai dengan mengqada puasa yang ditinggalkan sahaja.



139



## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT: IBADAH PUASA

#### RUKYAH HILAL RAMADHAN

Rasulullah ﷺ bersabda:

صُومُوا لِرُؤْيَتِهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤْيَتِهِ إِنْ غَمَ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوا الْعِدَةَ ثَلَاثِينَ شَهْرًا

**Maksudnya :** “Hendaklah kamu memulai puasa berdasarkan rukyah al-hilal (melihat anak bulan) dan mengakhiri puasa berdasarkan rukyah al-hilal pula (melihat bulan tanggal 1 Syawal). Apabila langit mendung (sehingga kamu tidak dapat melihat bulan) maka sempurnakanlah hitungan bulan Syaban menjadi genap tiga puluh hari.”

( Hadis Riwayat Bukhari & Muslim )

Hadis di atas menjelaskan bahawa kaedah penetapan bulan Ramadan dalam Islam ditentukan dengan dua cara iaitu:

1

#### Rukyah al-Hilal (Melihat anak bulan)

- ❖ Anak bulan boleh dilihat pada hari rukyah (kebolehnampakan) yang ditetapkan setiap 29hb Sya'ban pada waktu matahari belum terbenam.
- ❖ Menurut jumhur ulama, untuk menentukan awal Ramadan memadai dengan seorang saksi yang bersifat adil menurut syarak. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar beliau berkata :



10

## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### PERBINCANGAN AYAT: IBADAH PUASA

"Khalayak ramai berusaha untuk melihat bulan. Lalu aku memberitahu Rasulullah SAW bahawa aku telah melihat anak bulan. Lalu baginda berpuasa dan memerintahkan agar manusia berpuasa."

2

#### Hisab

- ❖ Sekiranya anak bulan tidak kelihatan tetapi menurut hisab falak anak bulan ada, maka hisab falak boleh digunakan iaitu dengan menyempurnakan kiraan 30 hari dalam bulan Syaaban.



Jom  
Tonton!

Mengenal Hilal dalam Islam  
(Sumber: Youtube)

141





10

## IBADAH PUASA: KELEBIHAN & PERMASALAHANNYA

Tafsir ayat 183-184 Surah Al-Baqarah

### PENGAJARAN AYAT

1

Allah ﷺ mensyariatkan ibadah puasa sebagai rahmat dan kasih sayang terhadap hamba-Nya. Ia bulan yang khusus untuk umat Islam berlumba-lumba melakukan ibadat yang pahalanya berlipat ganda daripada bulan-bulan yang lain.

2

Ibadat puasa berada dalam bulan Ramadan yang mulia. Mukjizat al-Quran juga telah diturunkan kepada Nabi Muhammad ﷺ pada bulan Ramadan yang mengangkat kedudukannya sebagai bulan paling mulia.

3

Ramadan bulan tarbiah dan *tazkiah* (menyucikan jiwa). Berpuasa dapat mendidik diri manusia erti kesabaran dalam mengharungi sebarang kesulitan dan menjadi hamba yang taat kepada Allah ﷺ.

4

Ibadat puasa terbukti mampu menyihatkan badan dan menjadi penawar pelbagai jenis penyakit seperti penyakit jantung, tekanan darah dan sebagainya.



A: Lengkapkan ayat 183-184 Surah al-Baqarah berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمْ \_\_\_\_\_ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ  
لَعَلَّكُمْ \_\_\_\_\_ ١٨٣ ﴿ أَيَّامًا مَعْدُودَاتٍ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ \_\_\_\_\_ أَوْ  
عَلَى \_\_\_\_\_ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخْرَى وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ \_\_\_\_\_ طَعَامٌ  
مِسْكِينٍ فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ وَأَنْ \_\_\_\_\_ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ  
تَعْلَمُونَ ١٨٤ ﴾

B. Jawab soalan berikut:

- i. Siapakah golongan yang tidak mampu berpuasa menurut syarak?
  - a. \_\_\_\_\_
  - b. \_\_\_\_\_
  - c. \_\_\_\_\_
  
- ii. Senaraikan jenis-jenis puasa sunat.
  - a. \_\_\_\_\_
  - b. \_\_\_\_\_
  - c. \_\_\_\_\_
  - d. \_\_\_\_\_

iii. Lengkap kaffarah meinggaikan puasa kerana bersetubuh dengan susunan yang betul.

1



2



3

# RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Abdullah Muhammad(2004), *Tafsir Ibnu Katsir*, Bogor : Pustaka Imam Asy-Syafi'i

Abdullah Nasih Ulwan. 1988. *Pendidikan Anak-anak dalam Islam*. Terj: Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.

Ab. Aziz Ismail (2008), Beberapa Aspek Sains dan Teknologi dalam Islam, Shah Alam : UPENA, UiTM.

Azizan Baharuddin & Norkumala Awang (2016), al-Quran dan Sains : Pemetaan Rintis Penyelidikan , KL : IKIM

Danial Zainal Abidin (2014), Quran Saintifik Edisi 6, Selangor : PTS Millennia SDN. BHD.

Fakhri Fadzli 2022, *Fa inni Qarib* Sinopsis 30 Juzuk al-Quran, Jejak Tarbiah.

Haid dan Kesehatan Menurut Ajaran Islam, Majelis Ulama Indonesia 2016,

Michael J. Denton (200). *Nature's Destiny : How the Laws of Biology Reveal Purpose in the Universe*. The Free Press. New York.

Muhammad Ibnul Faizal Bin Miskon (2017), *Kajian Tentang Besi dan Manfaatnya bagi Kehidupan Manusia dalam Perspektif Sains dan al-Quran dari Surah al-Hadid/57:25*. Skripsi thesis, Universitas Islam Negeri Sumatera Utara.

Muhammad Syaari Ab Rahman. 2020. Kompas 114. Firdaus Press Sdn. Bhd. Selangor.

Nancy, F.W., Ada, M. & Gretchen, K.D. 1982. Prevalence of perimenstrual symptoms. Am. J. Public Health. 72(11): 1257-1264.

Nur Asmadayana Hasim, *Haid daripada Perspektif Sains dan Maqasid Syariah*, Sains Malaysiana 45(12)(2016): 1879–1885.

# RUJUKAN

Sayyid Qutb (2011) Terjemahan Tafsir Fi Zilal al-Quran – Di Bawah Naungan al-Quran. Indonesia: Gema Insani Press.

al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad bin Muhammad al-Khatib (1994), Mughī al-Muhtaj lla Ma'rīfat Ma'ani Alfaz al-Minhaj. 6 jil. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Shahlin Johan. Puasa dan Kesannya terhadap kesihatan

Wahbah az-Zuhaili (2013), Tafsir Al-Munir, Jakarta : Gema Insani

Zahazan Mohamed (2018), Nur Gua : Tafsir dan Tadabbur Surah al-Kahfi, Telaga Biru : Kuala Lumpur

Zakir Naik, Miracles Of AlQuran dan AsSunnah, (AQWAM MEDIA PROFETIKA,2015)

Zulkifli Mohd Yusof, Ph.D (2021). Tafsir Ayat Ahkam Berdasarkan Ayat Pilihan Popular, Publishing House Sdn Bhd.

[www.prpm.dbp.gov.my](http://www.prpm.dbp.gov.my)

[www.muftiwp.gov.my](http://www.muftiwp.gov.my)

•.

Professor Dr. Zaghloul an-Najjar, Brought forth Iron into the Earth.

<https://www.quranproject.org/Brought-forth-Iron-into-the-earth-438-d>

Dr Danial bin Zainal Abidin. Kertas Kerja Seminar al-Quran dan Sains.

<http://mufti.penang.gov.my/index.php/en/2014-11-12-02-48-39/kertas-kerja-seminar/seminar-al-quran-1/seminar-al-quran/321-kertas-kerja-al-quran-dan-sains-oleh-dr-danial-bin-zainal-abidin/file>

Ya'juj dan Ma'juj dan Hakikatnya. [www.muftiwp.gov.my/Bayan Linnas Siri ke-147](http://www.muftiwp.gov.my/Bayan Linnas Siri ke-147)

Tembok Yakjuj dan Makjuj:

<https://geosmmalaysia.wordpress.com/2020/05/17/tembok-yakjuj-dan-makjuj/>

# RUJUKAN

<https://www.doctoroncall.com.my/tanya//soalan/tapak-kaki-jadi-tebal-sakit/107685>

[https://ms.wikipedia.org/wiki/Surah\\_al-Baqarah](https://ms.wikipedia.org/wiki/Surah_al-Baqarah)

<https://www.unicef.org/indonesia/sites/unicef.org.indonesia/files/2019-05/MHM-IslamicPerspective.pdf>

Yaqin Bakharudin ( 2019, Disember 11 ) Tempoh Suci Antara 2 Haid,  
<https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3881-al-kafi-1476-tempoh-suci-antara-dua-haid>

Syeikh Dr Abdullah bin Hamud ( 2017 ), Syarh Hadith fil-Istihadhah,  
<https://www.alukah.net/sharia/0/122048/#ixzz6tmt6lZZq>

Irsyad Al-fatwa Ramadhan Edition Series 161: Kaffarah For Those Who Had Intercourse Whilst Fasting, Ignorant Of Its Prohibition ( 2020 ),  
<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-khas-ramadhan-cat/4452-irsyad-al-fatwa-series-ramadhan-edition-161-kaffarah-for-those-who-had-intercourse-whilst-fasting-ignorant-of-its-prohibition>

Ibnu Khazimah ( 2007 ), Ramadan Syahru Sabr , Islamway.net  
<https://ar.islamway.net/article/2487/%D8%B1%D9%85%D8%B6%D8%A7%D9%86-%D8%B4%D9%87%D8%B1-%D8%A7%D9%84%D8%B5%D8%A8%D8%B1> • .

Thubut as-Syahr bi-rukyah al-Hilal ( 2009 ), الإسلام - صوم الرؤيّة وأفطروا لرؤيّته ( islamqa.info ) سؤال وجواب

Ustaz Abd Aziz bin Harjin (2010) Kumpulan Artikel Agama Islam 2010, Ibadah Puasa Dari Sudut Sains.  
<http://az-esei-jan2010.blogspot.com/2010/03/ibadah-puasa-dari-sudut-sains.html>

Muhammad Firdaus Rahim ( 2020 ) , Ada 6 Kelebihan Puasa Ramadan dari Sudut Kesihatan. <https://hellodoktor.com/kesihatan/fakta-menarik/apakah-kelebihan-puasa-ramadan-dari-sudut-kesihatan/?amp=1>

# RUJUKAN

Portal myHadith, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2021), My Hadith : JAKIM : Halaman Utama (islam.gov.my)

Luqman Tarmizi (2019, Mei 27 )Irsyad Usul Al-feqh Siri Ke- 36: Rukhsah Atau Azimah Yang Lebih Afdhal? Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan - Irsyad Usul Al-feqh Siri Ke- 36: Rukhsah Atau 'Azimah Yang Lebih Afdhal? (Muftiwp.Gov.My)

Telok Kemang Observatory (2019), Kaedah Melihat Anak Bulan Bagi Menentukan Awal Bulan Islam. – Telok Kemang Observatory (Bctkpd.Com)

Image by Florian Pircher from Pixabay

Photo by Antony Trivet on Unsplash

Photo by Ed Us on Unsplash

<a href="https://www.flaticon.com/free-icons/chemical-bond" title="chemical bond icons">Chemical bond icons created by kerismaker - Flaticon</a>

<a href="https://www.flaticon.com/free-icons/lab" title="lab icons">Lab icons created by surang - Flaticon</a>

cartoon PNG Designed By xylia from  
https://pngtree.com/freepng/cartoon-human-skin-layered-structure\_6560768.html?sol=downref&id=bef

<a href="https://www.flaticon.com/free-icons/patient" title="patient icons">Patient icons created by Freepik - Flaticon</a>

Image by <a href="https://pixabay.com/users/lightluna94-4048114/?utm\_source=link-attribution&utm\_medium=referral&utm\_campaign=image&utm\_content=2061877">white kim</a> from <a href="https://pixabay.com//?utm\_source=link-attribution&utm\_medium=referral&utm\_campaign=image&utm\_content=2061877">Pixabay</a>

# RUJUKAN

ship clipart PNG Designed By 588ku from  
[https://pngtree.com/freepng/white-ship-pattern\\_4677817.html?sol=downref&id=bef](https://pngtree.com/freepng/white-ship-pattern_4677817.html?sol=downref&id=bef)

<a href="https://www.flaticon.com/free-icons/rudder" title="rudder icons">Rudder icons created by Freepik - Flaticon</a>


<a href="https://www.flaticon.com/free-icons/assess" title="assess icons">Assess icons created by Good Ware - Flaticon</a>

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

*It is certainly We Who have revealed the Reminder, and it is certainly We Who will preserve it.*

Surah al-Hijr : 9



## UNIT PENERBITAN

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
Persiaran Usahawan, Seksyen U1,  
40150 Shah Alam  
Selangor  
Telephone No. : +603 5163 4000  
Fax No : +603 5569 1903

